

Laporan
ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR
AKNC





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَيْلِي بِنَارًا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

LAPORAN

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

2021

PUSAT ASASI UITM

PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN PELAJAR

KETUA PTJ :

AHMAD FARID BIN ABIDIN @ BHARUN

KETUA UNIT KUALITI :

NORLAILY BINTI AHMAD

PENYELARAS :

KHAIRUNNISA BINTI OTHMAN

PENULIS :

1. KHAIRUNNISA BINTI OTHMAN
2. BAZRINA BINTI RAMLY
3. AISHAH BINTI ZARZALI SHAH
4. NUR AMALINA BINTI ZAHARUDIN
5. NOOR AKMAL BINTI ABD WAHAB
6. MAS FIZA BINTI MUSTAFA
7. MUHAMAD RAHIMI BIN CHE HASSAN

8. MARZIAH BINTI MOKHTAR
9. JANAKI A/P MANOKARAN
10. NORLAILY BINTI AHMAD
11. IRWAN AFFENDI BIN MD NAIM
12. NUR HIKAMAH BINTI SETH
13. NORLIDA BINTI CHE ROSE
14. FATIMAH AZZAHRA BINTI MD RAUS
15. RAIHANA BINTI MOHD YUSOF
16. AHMAD FARID BIN ABIDIN @ BHARUN
17. SYED ABDUL ILLAH ALYAHYA BIN SYED ABD KADIR
18. EZATHUL ZERAFENA BINTI MOHD RIS
19. SHARIFAH NORASIKIN BINTI SYED HOD

KRITERIA 1 : KEPIMPINAN

1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Laporan AKNC 2021 kali ini tertumpu kepada pembangunan pelajar sepanjang tahun 2019 dan 2020. Dalam melaksanakan inisiatif strategik yang berkaitan dengan pembangunan pelajar, pelbagai program telah dijalankan sepanjang tahun 2019 dan 2020. Walaupun mengalami kekangan disebabkan pandemik COVID-19 dalam tahun 2020, usaha untuk melaksanakan pembangunan pelajar tetap diteruskan.

Perancangan bagi setiap inisiatif strategik pembangunan pelajar adalah penting bagi memastikan keberhasilan melahirkan pelajar yang mempunyai ciri-ciri model graduan UiTM yang bersifat kreatif, konstruktif, saintifik, inovatif, kritikal, analitikal dan holistik dapat dicapai. Antara aktiviti dan program akademik dan bukan akademik yang ditumpukan adalah seperti; ASiD Innovation & Creativity Day (AICD 2019), Creation de UiTM (CdU), Mega Innovation Carnival (2020), International Conference on Research and Practices in Science, Technology and Social Science (I-Crest 2020), Pertandingan Debat Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dan Program Plus Tahfiz (PPT).

Perancangan melaksanakan setiap inisiatif dan program yang merujuk kepada pembangunan pelajar dirangka dan dirancang di awal tahun 2019 dan seterusnya tahun 2020. Sebelum perancangan dibuat, kepimpinan kanan mestilah melaksanakan analisa kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman (SWOT), sumber dan risiko untuk memastikan kebolehlaksanaan sesuatu inisiatif. Setiap perancangan, barisan kepimpinan kanan perlu menyampaikan taklimat dan membuat pembentangan berkenaan hala tuju Pusat Asasi dan inisiatif strategik yang akan dilaksanakan sepanjang tahun 2019 dan 2020. Kepimpinan kanan khususnya Pengarah membawa pendekatan yang bersifat transformasi dimana sesuatu program atau aktiviti yang dijalankan perlu ada tujuan agar memberi impak yang besar kepada pelajar, pensyarah dan Pusat Asasi.

Pelaksanaan mengerakkan setiap inisiatif yang telah dirancang, kepimpinan kanan mestilah memastikan sumber mencukupi. Pertama, sumber manusia, dimana penglibatan pensyarah dan staf pentadbiran dalam jawatankuasa program yang terdiri daripada pelbagai bidang dan latar belakang. Kedua, sumber kewangan, dimana bajet yang diperuntukkan bagi setiap inisiatif dan aktiviti yang bakal dilaksanakan. Akhir sekali adalah aset, seperti fasiliti infostruktur dan infrastruktur yang tersedia di Pusat Asasi. Apabila kesemua sumber-sumber tersebut dapat dikenalpasti, proses pelaksanaan akan dijalankan dengan lebih mudah.

Pemantauan yang rapi bagi setiap program atau aktiviti dari pihak barisan kepimpinan kanan dari awal hingga akhir adalah sangat penting untuk memastikan kejayaan sesuatu program yang dijalankan. Penglibatan kepimpinan kanan dalam mesyuarat seperti mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM), mesyuarat pengurusan, jawatankuasa teknikal dan post mortem dapat memberikan maklumat secara langsung mengenai kemajuan dan permasalahan yang sebenar sesuatu program supaya proses tindakan pembetulan dan penambahbaikan dapat dibuat dengan segera.

Kepimpinan kanan perlu bertindak terhadap dapatan daripada tinjauan soal selidik kepuasan pelanggan dan aduan serta maklumbalas pelanggan mengenai sesuatu program. Semua hasil tinjauan, aduan dan maklumbalas perlu dibawa ke dalam mesyuarat pengurusan atau mesyuarat jawatankuasa teknikal untuk dibincangkan dalam mencari titik persamaan dalam menyelesaikan masalah dan cadangan yang perlu diambil bagi penambahbaikan.

Kepimpinan kanan juga mesti mengintegrasikan analisa SWOT, sumber dan risiko dalam membuat perancangan sesuatu inisiatif dan membuat pelan pemantauan yang sistematik serta sentiasa aktif dalam tindakan pembetulan bagi melaksanakan penambahbaikan untuk memastikan kejayaan sesuatu inisiatif strategik.

1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Barisan kepimpinan kanan Pusat Asasi yang terdiri daripada Pengarah, Timbalan Pengarah, dan Ketua-Ketua Bahagian merupakan entiti yang terpenting dalam menentukan hala tuju Pusat Asasi agar objektif dan matlamat pendidikan Pusat Asasi UiTM tercapai. Pengarah merupakan pemimpin utama di jabatan sentiasa menekankan matlamat diri sendiri dan matlamat sebagai pensyarah dimana ianya mestilah selari dengan objektif Pusat Asasi. Sila rujuk intipati pembentangan Pengarah di dalam mesyuarat Akademik Pusat Asasi pada 20 Disember 2019 dipautan Bukti 1, (Rajah 1).

Pendekatan yang diambil oleh kepimpinan kanan dalam menggerakkan sesuatu inisiatif pembangunan pelajar ialah memahami sifat dan fungsi organisasi. Pusat Asasi merupakan sebuah pusat akademik kepada pelajar yang cemerlang di dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Pusat Asasi adalah salah satu platform kepada pelajar untuk membuat persediaan sebelum ke peringkat pengajian ijazah pertama di dalam UiTM mahupun di Universiti Awam Malaysia. Sila rujuk intipati pembentangan mesyuarat staf Pusat Asasi pada 19 Ogos 2019 di pautan Bukti 1 (Rajah 2).

Sehubungan dengan perkara tersebut, satu falsafah yang harus dipegang oleh semua warga Pusat Asasi bahawa kecemerlangan pelajar di peringkat sekolah haruslah diteruskan di peringkat tinggi. Pendekatan di sekolah kemungkinan berbeza dengan pendekatan di Pusat Asasi dan kaedah yang digunapakai boleh diadaptasi oleh pelajar. Selain dari segi kecemerlangan akademik, Pusat Asasi juga menitikberatkan kecemerlangan dalam kemahiran insaniah, sahsiah diri, bakat dan kepimpinan dengan harapan pelajar menuju ke arah insan yang kamil. Sila rujuk intipati pembentangan taklimat Akademik Pusat Asasi pada 20 Disember 2019 di pautan Bukti 1 (Rajah 3 dan Rajah 4).

Berdasarkan kepada falsafah itu, Pengarah baru yang memimpin Pusat Asasi perlu melihat kepada perkara-perkara baru selain meneruskan perkara yang sedia ada. Gaya kepimpinan yang dibawa oleh Pengarah baru ialah bersifat transformasi agar impak yang lebih besar dapat dihasilkan. Setiap program atau aktiviti yang ingin dilaksanakan mestilah berdasarkan kepada falsafah dan mempunyai unsur-unsur yang membawa kepada perkara yang bermakna. Inisiatif yang ingin dilaksanakan mestilah mempunyai impak kepada pelajar dan organisasi. Sila rujuk intipati pembentangan Pengarah di dalam mesyuarat Akademik Pusat Asasi pada 20 Disember 2019 di pautan Bukti 1 (Rajah 5).

SENARAI BUKTI:

1. [BUKTI 1 RAJAH 1.pdf](#)
2. [BUKTI 1 RAJAH 2.pdf](#)
3. [BUKTI 1 RAJAH 3.pdf](#)
4. [BUKTI 1 RAJAH 4.pdf](#)
5. [BUKTI 1 RAJAH 5.pdf](#)

1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Kepimpinan kanan bertanggungjawab sepenuhnya dalam memastikan objektif dan inisiatif strategik pembangunan pelajar dapat dicapai. Pelbagai inisiatif yang dirancang pada sepanjang tahun 2019 dan 2020 dan perlu dilaksanakan walaupun menghadapi kekangan disebabkan Pandemik COVID-19. Di dalam objektif organisasi menasaskan 100% pelajar mesti melibatkan sekurang-kurangnya satu aktiviti tanggungjawab sosial korporat (CSR) dan juga menasaskan 10% pelajar dalam aktiviti pengantarabangsaan. Sila rujuk objektif kualiti Pusat Asasi di pautan Bukti 2 (RAJAH 1).

Dalam perancangan strategik terkandung dua unsur penting iaitu kecemerlangan akademik dan penglibatan pelajar dalam program CSR. Diversiti pelajar dari segi mempunyai pengalaman, dan bakat semulajadi adalah kekuatan dalam setiap program yang akan direalisasikan. Sebagai contoh program "Exploring English Through Community Engagement" dimana kebanyakan pelajar Asasi mempunyai kecemerlangan dalam bahasa Inggeris yang agak baik. Pelajar ini digalakkan melibatkan diri dengan masyarakat seperti menjadi pembimbing kepada pelajar sekolah di Putrajaya. Pelajar yang mempunyai kemahiran Sains dan Matematik juga diberi pendedahan kepada CSR seperti penglibatan pelajar dengan sekolah-sekolah berdekatan di sekitar kampus dalam program Science, Technology, Engineering, Mathematics (STEM). Sila rujuk sijil pengiktirafan program dari Malaysia Book of Record di pautan Bukti 2 (RAJAH 2).

Adalah jelas di sini pembangunan pelajar menuju ke arah kemenjadian insan. Pendedahan pelajar kepada budaya luar juga dilaksanakan, contohnya penghantaran beberapa pelajar ke Beijing, China merupakan langkah awal untuk mencapai sasaran objektif program pengantarabangsaan. Sila rujuk artikel penglibatan pelajar Pusat Asasi ke Shanghai di pautan Bukti 2 (RAJAH 3).

SENARAI BUKTI :

1. [BUKTI 2 RAJAH 1.pdf](#)
2. [BUKTI 2 RAJAH 2.pdf](#)
3. [BUKTI 2 RAJAH 3.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Apabila sesuatu inisiatif atau program telah dilaksanakan, post mortem dibuat sebaik sahaja aktiviti tamat di dalam mesyuarat teknikal. Penglibatan kepimpinan kanan dari awal seperti kelulusan kertas cadangan, lantikan Pengarah sebagai penasihat jawatankuasa merupakan mekanisma yang dapat menggerakkan inisiatif dengan progresif. Sila rujuk penjana pendapatan program I-Crest 2020 dipautan Bukti 3, muka surat 1 dan jawatankuasa program I-Crest 2020 yang dibentuk dengan penglibatan kepimpinan kanan di pautan Bukti 3, muka surat 2.

Kepimpinan kanan berperanan sebagai pendorong untuk menggerakkan jentera kerja. Apabila satu program yang dicadangkan oleh Pengarah kepada pensyarah, yang kebanyakannya terdiri daripada kalangan umur diantara awal 30an hingga 40an yang rata-ratanya masih baru dan kurang berpengalaman. Sehubungan dengan itu Pengarah akan terlibat secara menyeluruh dalam memberi idea, pandangan, nasihat dan tunjuk ajar kepada pensyarah yang dilantik dalam jawatankuasa program. Tidak dinafikan pensyarah terbabit mempunyai kemampuan untuk mengedalikan program diperingkat lokal, tetapi apabila cadangan diutarakan oleh Pengarah untuk pensyarah berani melaksanakan diperingkat antarabangsa justeru itu Pengarah akan memantau dengan lebih kerap lagi.

Sebagai contoh, bagaimana untuk menarik minat peserta untuk menyertai dalam program i-CREST, dan juga cadangan seperti Prominence Invited speaker bagi mendapatkan sambutan penglibatan yang hangat dari Universiti Awam. Sila rujuk publisiti hebahan email program I-Crest 2020 di pautan Bukti 3, muka surat 2.

SENARAI BUKTI:

1. [BUKTI 3.pdf](#)

1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Apabila sesuatu inisiatif dicadangkan, ianya mestilah merangkumi risiko yang dijangkakan hadir dan bagaimana untuk mengendalikan risiko tersebut. Jangkaan kepada kehadiran risiko perlu dibuat sekurang-kurangnya 80% dan ke atas.

Memahami kepada sifat peristiwa (Nature of the event) contohnya i-CREST (2020), terdapat banyak permasalahan yang timbul sebelum program ini dijalankan. Antara isu dan risiko yang boleh membantutkan inisiatif program ini adalah seperti ketiadaan lokasi yang sesuai untuk program ini dijalankan, isu kurang sambutan penyertaan dikalangan pelajar, termasuk pelajar dari sekolah, isu ketiadaan Juri luar dan isu kekangan kewangan.

Apabila isu dan risiko program telah dikenal pasti, kepimpinan kanan perlu bertindak dengan mengambilkira alternatif yang lain. Misalnya bagi isu ketiadaan lokasi program yang sesuai dapat ditangani dengan penggunaan ruang di Pusat Asasi Kampus Dengkil secara maksima dan secara tidak langsung dapat mengurangkan perbelanjaan kewangan untuk menyewa di lokasi luar. Bagi isu kurang sambutan penyertaan dikalangan pelajar pula, Penasihat Akademi harus memberi galakkan supaya pelajar di bawah penyeliaan mereka menyertai program yang diadakan. Pusat Asasi juga wajar menjalinkan hubungan dengan sekolah-sekolah dan Universiti Awam di Selangor supaya lebih liputan dapat dibuat. Dari sudut isu ketiadaan Juri pula, ianya dapat ditangani dengan perlantikan Juri daripada Fakulti yang terdapat di dalam UiTM. Manakala bagi isu kekangan kewangan, ianya dapat diselesaikan dengan cara memohon bantuan kewangan atau peruntukan dari Kampus Utama di UiTM Shah Alam. Sila rujuk Daftar Risiko di pautan Bukti 3, muka surat 3 dan sila rujuk Lantikan Juri di Bukti 1.

SENARAI BUKTI :

1. [SENARAI JURI.pdf](#)

1.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Perbincangan perlu dibuat dipelbagai platform. Contohnya apabila sesuatu program dilaksanakan dapat lihat secara langsung, permasalahan atau isu yang terjadi dan dibawa ke dalam mesyuarat post mortem. Analisa kejayaan dan kegagalan dibuat berdasarkan kepada pemerhatian yang disenaraikan semasa program berlangsung. Walaupun kebanyakan program yang direncanakan berjalan dengan sempurna tetapi kepincangan tetap ada dan perlu ditambah baik untuk tahun yang akan datang. Tinjauan soal selidik juga dibuat sebaik selepas program tamat dan maklumbalas dan aduan dari pensyarah dan pelajar atau peserta program perlulah dikumpul dan dianalisa bagi tujuan penambahbaikan.

Penilaian risiko perlu dibuat sebelum program dijalankan dan langkah-langkah untuk menagai risiko seperti mengurangkan impak negatif atau menghindari risiko juga dibuat diperingkat awal. Penglibatan pensyarah yang terdiri daripada pelbagai latarbelakang dalam jawatankuasa, serta memberi tanggungjawab pada orang mempunyai kemampuan untuk melaksanakan inisiatif strategik agar dapat memainkan peranan yang baik dalam jawatankuasa program.

Laporan dari ketua projek program perlu dibentangkan dalam mesyuarat dengan itu kepimpinan kanan dapat mengesan kelemahan yang dialami oleh jawatankuasa. Contohnya tuntutan dari staf dan juga pelajar dari tabung tabung kewangan. Apabila analisa sesuatu program dijalankan bersama kepimpinan kanan, tindakan penambahbaikan dimasa akan datang akan menjadi lebih mudah kerana pihak-pihak tertentu yang telah pun melalui pengalaman dan sebagai faedah pembelajaran supaya tindakan yang bijak dan realistik boleh dilakukan serta boleh mengurangkan risiko. Sila rujuk minit mesyuarat CDU di pautan Bukti 1, minit mesyuarat AICD di pautan Bukti 2 dan minit mesyuarat postmoterm AICD di pautan Bukti 3, tinjauan soal selidik di pautan Bukti 4 dan tinjauan soal selidik CDU di pautan 5.

SENARAI BUKTI :

1. [MINIT MESYUARAT CDU.pdf](#)
2. [MINIT MESYUARAT AICD.pdf](#)
3. [Minit Mesyuarat AICD 2019 - postmoterm.pdf](#)
4. [AICD2019 FEEDBACK FORM - Google Forms.pdf](#)
5. [Feedback Form CDU 2020.pdf](#)

1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Untuk mengerakkan jabatan untuk mencapai objektif dan inisiatif strategik yang dirancang dalam pembangunan pelajar, kepimpinan kanan perlu mengintegrasikan falsafah yang dipegang Pusat Asasi dan pendekatan kepimpinan kanan melalui transformasi dengan menjana perkara baru yang dapat memberikan impak yang besar dan faedah kepada pelajar. Setiap inisiatif yang dijalankan bukanlah hanya setakat memenuhi aktiviti tahunan tetapi melihat kepada keberhasilan pembangunan pelajar.

Beberapa perkara yang perlu dilakukan oleh kepimpinan kanan seperti analisa SWOT dan penilaian risiko mesti dibuat secara menyeluruh. Antaranya kekuatan organisasi dari segi infrastruktur dan infostruktur, dan sistem sokongan agar penjana pendapatan dapat dilaksanakan melalui penyewaan ruang dan kemampuan kewangan. Peluang organisasi yang boleh diambil ialah Pusat Asasi berada di kawasan yang strategik yang berdekatan dengan Putrajaya, Cyberjaya, Serdang dan Bangi dimana kolaborasi dengan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan juga Universiti Awam dapat dimeterai dan melebarkan aksesibiliti.

Selain itu, kepimpinan kanan perlu membuat keputusan pada peruntukkan sumbernya untuk meneruskann inisiatif strategik ini. Antaranya adalah sumber manusia, sumber kewangan dan aset perlu diagihkan kepada seluruh organisasi secara saksama.

SENARAI BUKTI :

KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK

2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Perancangan Strategik (PS) Pusat Asasi UiTM dan Kampus Dengkil telah dirangka berasaskan kepada Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi) [PPPM (PT)] 2015-2025, Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) 2016-2020, Pelan Strategik RMKe-11 Universiti Teknologi MARA (UiTM) 2016-2020, Pelan Strategik UiTM 2025, Petunjuk Prestasi Utama (KPI) UiTM, Petunjuk Prestasi (PI) PTJ dan Objektif Kualiti Pusat Asasi UiTM. Perancangan Strategik Pusat Asasi yang diletakkan di bawah Unit Kualiti merangka Pelan Perancangan Strategik Pusat Asasi & Kampus Dengkil berdasarkan tujuh teras iaitu Pengajaran & Pembelajaran, Penyelidikan, Inovasi & Pengkomersialan, Akademia, Industri & Masyarakat, Kepimpinan, Keusahawanan, Pengurusan & Pengukuhan Kewangan Profesional dan Infrastruktur & Infostruktur yang Lestari.

Pelan Perancangan Strategik Pusat Asasi 2016-2020 telah dirangka semasa bengkel perancangan Strategik pada 17 – 20 November 2016. Pelaksanaan program yang dirancang dimulakan secara berperingkat mengikut pelan tindakan dan keperluan inisiatif yang dirancang. Pada 15 – 17 Disember 2017, projek dan aktiviti yang telah dirancang sebelumnya disemak, dikemaskini dan ditambahbaik semasa Bengkel Semakan, Pemurnian dan Pemantauan Perancangan Strategik Pusat Asasi UiTM. Seterusnya, semasa Bengkel Pemantapan Pengurusan Pusat Asasi pada 26-27 Mac 2019, pencapaian setiap projek, aktiviti dan inisiatif setiap teras dibincangkan kembali untuk ditambahbaik dan dijenamakan semula mengikut keperluan semasa. Pada tahun 2020, Pusat Asasi telah diperturunkan sebanyak 17 petunjuk prestasi (PI) oleh Bahagian Transformasi Universiti (BTU) berdasarkan Pelan Strategik UiTM 2025. Walau bagaimanapun, Petunjuk Prestasi (PI) ini hanya menfokuskan kepada satu teras iaitu Penyelidikan dan Inovasi. Oleh itu, pada tahun 2020, Pelan Perancangan Strategik Pusat Asasi 2016-2020 masih digunakan merangkumi keseluruhan tujuh teras yang telah dirancang.

Dari segi proses pelaksanaan; bahagian, unit dan kumpulan pelaksana yang diberi tanggungjawab telah melaksanakan aktiviti mengikut perancangan manakala ketua setiap teras perancangan strategik akan memantau, melaporkan status aktiviti serta mendapatkan data yang diperlukan bagi tujuan laporan pencapaian petunjuk prestasi untuk dibentangkan semasa mesyuarat pengurusan sekali untuk setiap enam bulan. Pengurusan kanan juga memantau dan mengambil maklum perjalanan aktiviti dan inisiatif dari semasa ke semasa. Pemakluman setiap projek, aktiviti dan inisiatif akan dimaklumkan kepada semua kumpulan sasaran melalui laman web, emel, kumpulan *Whatapps*, Telegram, akaun media sosial rasmi Pusat Asasi seperti Facebook, Instagram, Twitter dan juga YouTube. Hebahan ini merangkumi promosi dan liputan sebelum, semasa dan selepas aktiviti. Risiko yang boleh menjejaskan kelancaran aktiviti juga diberi perhatian dan dipantau bagi memastikan setiap inisiatif berjaya dilaksanakan.

Setelah setiap aktiviti selesai dalam tempoh kitaran masing-masing, laporan akhir setiap aktiviti dan inisiatif dikumpulkan oleh ketua setiap teras yang terbabit dan seterusnya direkodkan dalam laporan pemantauan Perancangan Strategik. Berdasarkan kepada penilaian, laporan akhir aktiviti dan status laporan pencapaian inisiatif strategik, proses penambahbaikan dilakukan oleh bahagian atau unit yang terlibat dan proses ini dilakukan secara berterusan. Proses ini juga mengambil kira maklumbalas yang diterima daripada kumpulan sasaran setiap aktiviti dan inisiatif melalui mesyuarat, borang maklumbalas program, *post-mortem* aktiviti dan pelbagai sumber lain. Bahagian, jawatankuasa dan unit yang terlibat dengan setiap inisiatif mengambil maklum sebarang cadangan penambahbaikan untuk dilaksanakan semasa aktiviti melalui kitaran yang berikutnya.

2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Bidang tumpuan yang difokuskan oleh Pusat Asasi dalam pelaporan AKNC kali ini adalah Pengurusan dan Pembangunan Pelajar. Terdapat tiga Inisiatif Strategik (IS) dalam bidang tumpuan yang dipilih dan ianya telah dilaksanakan bagi mencapai empat Objektif Strategik (OS) Pelan Perancangan Strategik (PPS) Pusat Asasi 20016-2020. Tiga IS tersebut adalah penyelidikan dan inovasi di kalangan pelajar (IS1), kelab-kelab kokurikulum (IS2) dan Program Plus Tahfiz (IS3). Pemetaan antara objektif dan inisiatif strategik PPS diringkaskan dalam Bukti 1.

Penyuburan aktiviti penyelidikan, penerbitan dan inovasi di kalangan pelajar telah giat dijalankan bagi mencapai empat OS yang dinyatakan di bawah IS1. Terdapat empat program yang melibatkan penyertaan pelajar dalam pertandingan dan persidangan daripada peringkat kampus sehinggalah ke peringkat antarabangsa yang mana tiga daripanya adalah pertandingan inovasi dan satu persidangan penyelidikan. Jawatankuasa-jawatankuasa di bawah HEA dan Timbalan Pengarah Akademik, Penyelidikan dan Inovasi (TP API) yang terlibat dengan IS1 adalah Jawatankuasa Inovasi, Pengkomersialan & Jaringan Industri bagi ASiD Innovation and Creativity Day (AICD), Creations de UiTM (CdU) dan Pertandingan Inovasi Inter-Asasi Matrikulasi (PIITRAM) manakala Jawatankuasa Penyelidikan & Perundingan bertanggungjawab untuk program International Conference on Research and Practices in Science, Technology and Social Sciences (I-CReST). Bukti 2 Rajah 1 meringkaskan butiran setiap program manakala poster setiap IS1 dilampirkan dalam Bukti 2 Rajah 2 - 5.

Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) UiTM Kampus Dengkil bertanggungjawab mengawal selia kesemua kelab dan aktiviti pelajar di bawah bimbingan penasihat yang terdiri daripada staf akademik dan bukan akademik. Penubuhan kelab dan penganjuran aktiviti pelajar adalah bagi memenuhi kriteria pelajar untuk mengisi borang UPU bagi melayakkan mereka melanjutkan pelajaran ke peringkat Sarjana Muda. Antara kelab yang ditubuhkan adalah English Debate & MUN Club, Kelab Bulan Sabit Merah, Kelab Nasyid & Dakwah Asasi, Kelab Sukan Pencak Silat, Kelab Kebajikan Masyarakat, ASiD Vlogger dan pelbagai lagi kelab yang mencakupi pelbagai aspek kemahiran dan insaniah. Setiap kelab dan aktiviti yang disertai pelajar melayakkan mereka mendapatkan markah kokurikulum dan ianya boleh disemak oleh pelajar melalui Sistem Pendaftaran Kokurikulum. Sistem ini membolehkan permohonan, kelulusan dan muat naik markah kokurikulum dilakukan secara atas talian. Proses pelaksanaan kelab dan senarai aktiviti dilampirkan dalam Bukti 3.

Program Plus Tahfiz (PPT) adalah program yang diwujudkan dalam seluruh sistem UiTM termasuklah di Pusat Asasi bagi melahirkan professional Huffaz Al-Quran sebagai Khayra Ummah di peringkat Malaysia dan antarabangsa. Pelaksanaan program Plus Tahfiz di Pusat Asasi adalah berbeza dengan kampus cawangan lain kerana program ini diperkenalkan dalam bentuk PPT berkredit dan PPT tidak berkredit. Para pelajar adalah terdiri daripada pelajar Asasi Sains, Asasi Kejuruteraan, Asasi TESL dan Asasi Undang-undang yang mempunyai kelayakan hafazan sekurang-kurangnya 15 juzuk. Kelas akademik dan hafazan dikendalikan oleh guru-guru tahfiz dan pensyarah-pensyarah yang bertauliah serta mempunyai kelayakan dalam bidang hafazan al-Quran. Risalah PPT dilampirkan dalam Bukti 4. Beberapa program yang melibatkan jalinan industri dan masyarakat telah dilaksanakan seperti Huffaz & Komuniti dan Karnival Rahmah Putrajaya. Plus Tahfiz Pusat ASASI turut membuat jalinan kerjasama dengan beberapa pusat tahfiz di sekitar kampus seperti Madrasah al-Tayyibah, Madrasah Miftah al-Ulum dan Maahad Tahfiz al-Firdaus Lil Banat. Antara aktiviti pelajar PPT adalah dilampirkan dalam Bukti 5.

SENARAI BUKTI:

1. [2.2_1_pemetaan OS dan IS.pdf](#)
2. [2.2_2_IS1.pdf](#)
3. [2.2_3_IS2.pdf](#)

4. [2.2_4_IS3_risalah PPT.pdf](#)
5. [2.2_5_IS3_aktiviti PPT.pdf](#)

2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pelan Perancangan Strategik Pusat Asasi telah dirangka berlandaskan kepada pelan RMK-11 UiTM. Berdasarkan IS bidang tumpuan, terdapat empat teras utama yang terlibat bagi memenuhi OS dan KPI UiTM. Teras-teras yang terlibat adalah Teras 1: Pengajaran dan Pembelajaran, Teras 2: Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersialan, Teras 3: Akademia, Industri dan Masyarakat dan Teras 4: Kepimpinan. Inisiatif strategik di bawah Perancangan Strategik sentiasa dikemaskini dan ditambahbaik mengikut keperluan semasa. Objektif dan Inisiatif Strategik yang terkini bagi Perancangan Strategik Pusat Asasi 2016-2020 telah dilakukan semasa Bengkel Pemantapan Pengurusan Pusat Asasi pada 26-27 Mac 2019. Walaupun begitu, kemaskini objektif dan inisiatif strategik ini masih lagi sejajar dengan RMK-11 UiTM. Dokumen berkaitan dengan Perancangan Strategik Pusat Asasi 2016-2020 telah dimuatnaik ke laman web Pusat Asasi sehingga tahun 2020 (rujuk Bukti 1). Pemetaan antara objektif dan inisiatif strategik kepada RMK-11 UiTM dinyatakan di dalam Jadual 1 di lampiran Bukti 2.

Bahagian, Unit dan Jawatankuasa yang dipertanggungjawabkan terhadap setiap IS telah melantik dan membentuk jawatankuasa yang bersesuaian serta memantau IS agar OS tercapai. Kumpulan pelaksana ini perlu mengemaskini status setiap IS mengikut keperluan semasa serta mengemukakan laporan dan data bagi pelaporan PPS setiap enam bulan (rujuk Bukti 3). Bagi memastikan OS dan IS sentiasa sejajar dengan RMK-11 UiTM, data pencapaian petunjuk prestasi akan dibentangkan di Mesyuarat Pengurusan (rujuk Bukti 4). Rajah 1 dalam Bukti 5 adalah dirujuk bagi proses ini. Bagi memperlihatkan dengan lebih jelas dan terperinci kesejajaran di antara IS, Teras PPS, OS dan RMK-11 UiTM, rujuk Bukti 5 Rajah 2.

SENARAI BUKTI :

1. [2.3_1_dokumen_perancangan_strategik2.pdf](#)
2. [2.3_2_jadual_pemetaan.pdf](#)
3. [2.3_3_perolehan_data.pdf](#)
4. [2.3_4_laporan_PS.pdf](#)
5. [2.3_5_infografik_proses_&_pemetaan.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Inisiatif-inisiatif PPS yang dirancang telah dipantau oleh kepimpinan kanan bersama-sama ketua teras PS berkaitan. Laporan semasa, penuh dan data bagi setiap inisiatif diserahkan kepada ketua teras dan direkodkan dalam laporan pemantauan Perancangan Strategik yang dikemaskini setiap enam bulan dan dibentangkan di Mesyuarat Pengurusan. Rujuk Bukti 1 bagi pelan pemantauan dan Bukti 2 bagi contoh perolehan data/laporan yang diamalkan Pusat Asasi. Input daripada peserta dan kumpulan pelaksana melalui borang maklumbalas dan *post mortem* sebagai contoh penting dalam menambahbaik pelaksanaan aktiviti di masa akan datang.

Bagi IS1 iaitu AICD, CdU, ICRest, PIITRAM, ianya diletakkan di bawah seliaan BHEA yang mana TP API mengamanahkan dua jawatankuasa di bawahnya untuk menggerakkan IS1. Jawatankuasa bertanggungjawab adalah Jawatankuasa Pengurusan Inovasi, Pengkomersialan & Jaringan Industri dan Jawatankuasa Penyelidikan & Perundingan. Status semasa inisiatif strategik dan laporan akhir diserahkan kepada BHEA dan Ketua Teras 2 PS untuk tujuan rekod pencapaian dan penambahbaikan. BHEA juga telah menyediakan platform pemantauan yang mana setiap jawatankuasa ini perlu mengemaskini status inisiatif masing-masing melalui laman <https://asidacademic.weebly.com> (rujuk Bukti 3).

Penolong Pendaftar Kanan HEP merupakan pegawai yang bertanggungjawab menyelia kelab dan aktiviti pelajar di bawah IS2. Sebarang aktiviti yang dilaksanakan perlulah melalui Borang C yang dihantar ke HEP dan kelulusan diberikan berdasarkan ketetapan yang dibuat. Penasihat kelab perlu mendaftar aktiviti ke dalam Sistem Kokurikulum di <https://asid.uitm.edu.my/crs/> (rujuk Bukti 4), bagi memudahkan HEP memantau aktiviti dan markah kokurikulum pelajar. Laporan perlu dihantar kepada HEP dalam tempoh 14 hari selepas aktiviti tamat dan markah perlu di masukkan ke dalam sistem bagi pelajar yang terlibat. Pihak HEP memantau dan memberi peringatan kepada Penasihat Kelab dari masa ke masa berkenaan pemberian markah kokurikulum, jika terdapat keciciran sebelum tarikh akhir kemasukan markah.

Program Plus Tahfiz dibahagikan kepada dua kategori iaitu Plus Tahfiz Berkredit (pelajar aliran Tahfiz lepasan SPM/STAM dan wajib mengambil kod kursus tertentu secara berkredit) dan Plus Tahfiz Tidak Berkredit (terbuka untuk semua pelajar). Pelajar PPT perlu mengikuti kelas Hafazan al-Quran yang dikendalikan oleh guru tahfiz bertauliah yang dilantik pada setiap pagi (hari bekerja) dari 5.00 pagi hingga 7.00 pagi. Pemantauan hafazan dilakukan dengan menggunakan sistem buku rekod hafazan yang disemak oleh guru tahfiz masing-masing (rujuk Bukti 5).

SENARAI BUKTI:

1. [2.4.1_1_pelan_pemantauan.pdf](#)
2. [2.4.1_2_sampel_data_PS.pdf](#)
3. [2.4.1_3_pemantauan_IS1.pdf](#)
4. [2.4.1_4_pemantauan_IS2.pdf](#)
5. [2.4.1_5_pemantauan_IS3.pdf](#)

2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Daftar pengurusan risiko di Pusat Asasi dikendalikan oleh Unit Kualiti dan dikelaskan mengikut kategori, impak dan tahap risiko. Risiko strategik dan operasi dikenalpasti boleh menjejaskan OS dan IS. Bagi kategori strategik, aspek komitmen dan masa menjadi penyumbang utama risiko ini. Tempoh pengajian setahun dirasakan pendek untuk pensyarah mengasah kemahiran pelajar dalam penyelidikan dan inovasi. Pelajar juga kurang berminat menyertai sebarang pertandingan serta memberi komitmen yang rendah dalam kegiatan kokurikulum kerana ingin menumpukan perhatian kepada akademik. Bagi PPT, kekangan masa pelajar dan guru tasmik kelas hafazan ekoran jadual pelajar yang padat boleh mengganggu pencapaian OS selain daripada kelas hafazan yang bermula seawal 5.00 pagi. Faktor penempatan pelajar secara rawak di unit-unit rumah dan blok asrama telah menyukarkan pengurusan pelajar ke kelas hafazan kerana ramai pelajar yang tidak dapat bersedia awal pagi.

Aspek kesihatan & keselamatan dan sumber manusia pula mempengaruhi risiko operasi. Pelajar yang berada di kediaman masing-masing sepanjang pandemik Covid-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menyebabkan perbincangan dan penghasilan produk inovasi agak sukar. Ini juga menyebabkan aktiviti pelajar berbentuk sukan & rekreasi, persembahan kebudayaan, dan aktiviti kemasyarakatan terjejas. Pelaksanaan Key Performance Index (KPI) staf akademik terkini yang menetapkan pencapaian yang lebih tinggi serta jangkaan dan komitmen yang tinggi sebagai penasihat kelab turut mempengaruhi penglibatan pensyarah.

Insentif berbentuk markah kokurikulum, anugerah MAKO dan pembiayaan yuran diwujudkan bagi meningkatkan komitmen pelajar (rujuk Bukti 1). Kolaborasi antara pensyarah dan pelajar dalam penyelidikan dan inovasi adalah langkah membina kemahiran berinovasi dan menyelidik di kalangan pelajar. Waktu kelas hafazan yang fleksibel telah dirancang bagi mengatasi masalah kekangan masa antara guru tasmik hafazan dan pelajar PPT manakala penempatan pelajar PPT di kolej secara berpusat telah dilakukan (rujuk Bukti 2).

Medium atas talian digunakan untuk sebarang komunikasi dan aktiviti sepanjang PKP sebagai langkah pengawalan risiko seperti program I-CReST 2020 & 2021, AICD 2021 dan PIITRAM 2021. Kegiatan kelab dan aktiviti pelajar juga dijalankan secara atas talian mengikut kesesuaian program (rujuk Bukti 3 & 4). Bagi memastikan lantikan sebagai penasihat kelab terus relevan, staf akademik memilih untuk menubuhkan kelab yang bersesuaian dengan kepakaran dan kemahiran masing-masing seperti pensyarah Undang-Undang menubuhkan Kelab Debat. Bukti 5 meringkaskan risiko dan pengurusannya.

SENARAI BUKTI :

1. [2.4.2_1_pembiayaan_yuran_peserta.pdf](#)
2. [2.4.2_2_surat_penempatan_bersama_PPT.pdf](#)
3. [2.4.2_3_pertandingan_dan_persidangan_maya.pdf](#)
4. [2.4.2_4_risiko_dan_pengurusan_kelab_aktiviti_pelajar.pdf](#)
5. [2.4.2_5_infografik_pengurusan_risiko.pdf](#)

2.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Perancangan strategik dilaksanakan dengan mengambil kira faktor kekuatan, kelemahan, ancaman dan peluang yang ada untuk dianalisa dan diambil tindakan sewajarnya. Keterlibatan semua pihak daripada kumpulan pelaksana dan kumpulan sasaran penting bagi mencapai OS dan IS yang telah dirancang serta menambahbaik aktiviti pada masa akan datang. Pelbagai saluran dan pengukuran digunakan bagi tujuan penambahbaikan seperti:

- Borang maklumbalas program (rujuk Bukti 1)
- Perjumpaan langsung bersama pelajar
- Laporan aktiviti (rujuk Bukti 2)
- *Post mortem* program (rujuk Bukti 3)
- Mesyuarat Akademik/jawatankuasa/unit
- Perbincangan melalui kumpulan-kumpulan Whatapps
- Pencapaian dan kejayaan pelajar (rujuk Bukti 4)
- Maklumbalas di media sosial (Facebook, Instagram, Twitter, Youtube)

Berdasarkan sambutan yang menggalakkan di kalangan pelajar terhadap AICD di peringkat kampus, cetusan idea Pengarah Pusat Asasi untuk mengembangkan pertandingan inovasi ini ke peringkat kebangsaan telah dilaksanakan dan dinamakan sebagai CdU. Dalam masa yang sama, AICD dikekalkan sebagai program peringkat kampus. Berikutan hasil kejayaan di AICD, beberapa kumpulan inovasi pelajar telah disaring untuk membawa hasil inovasi ke PIITRAM. Tindakan penambahbaikan juga menyaksikan AsidCon iaitu kolokium peringkat fakulti yang dianjurkan pada 2018 dinaiktaraf ke persidangan antarabangsa dan dikenali sebagai ICReST. Melalui persidangan ini, pelajar berpeluang menimba pengalaman di peringkat antarabangsa dengan berkolaborasi bersama pensyarah.

Melalui perjumpaan bersama pelajar yang dijadualkan setiap Jumaat jam 3 petang, pelajar bersama-sama Penasihat Kelab berpeluang untuk membincangkan penambahbaikan yang boleh dilakukan bagi memastikan aktiviti berjalan lancar. Bagi setiap program yang melibatkan pelajar, borang maklumbalas diedarkan diakhir sesi dan sebarang permasalahan akan direkodkan di dalam laporan aktiviti kelab. Pihak HEP telah membangunkan Sistem Pemarkahan Kokurikulum bagi memudahkan proses kemasukan markah pelajar yang sebelumnya dilakukan secara manual. Sistem ini ditambahbaik dari masa ke masa untuk meningkatkan kecekapan dan mengelak sebarang keciciran markah pelajar.

Bagi Program Plus Tahfiz, gerak kerja berpasukan dilakukan dalam kalangan KPP, penyelaras, pensyarah dan guru-guru Tahfiz. Perbincangan dan mesyuarat dilaksanakan secara berkala bagi membincangkan perancangan aktiviti, perjalanan program dan permasalahan yang timbul (rujuk Bukti 5). Hasil pelaksanaan penempatan berpusat pelajar dan pelaksanaan jadual kelas hafazan yang fleksibel telah dapat meningkatkan kehadiran pelajar ke kelas hafazan. Meskipun berhadapan dengan pandemik Covid 19, kelas akademik dan hafazan dapat berjalan dengan baik melalui aplikasi atas talian seperti Google Meet, Webex dan Zoom.

SENARAI BUKTI :

1. [2.4.3_1_feedback form CDU 2020.pdf](#)
2. [2.4.3_2_petikan laporan akhir AICD 2019.pdf](#)
3. [2.4.3_3_post mortem dan sampel_new.pdf](#)
4. [2.4.3_4_petikan laporan merit kokurikulum.pdf](#)
5. [2.4.3_5_cadangan program Plus Tahfiz 2020.pdf](#)

2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Semua pihak di Pusat Asasi daripada kepimpinan kanan sehinggalah staf sokongan telah bekerjasama menjayakan kesemua IS dan OS dalam bidang tumpuan. Pengarah Pusat Asasi, TP API dan TP HEP & ICAN sentiasa memaklumkan, menggalakkan serta menghargai kerjasama semua pihak melalui Mesyuarat Pusat Asasi dan juga Amanat Tahun Baru Pengarah (rujuk Bukti 1). Pemakluman juga dilakukan semasa mesyuarat unit oleh Ketua Kursus. Hebahan kepada staf Pusat Asasi bagi ketiga-tiga IS dilakukan melalui emel dan Whatapps manakala hebahan kepada pelajar dilakukan melalui Telegram. Contoh-contoh hebahan dilampirkan di Bukti 2.

Selain Telegram, galakan daripada penasihat akademik dan pensyarah semasa perjumpaan bersama pelajar turut meningkatkan penyertaan mereka bagi aktiviti IS1. Kolaborasi penyelidikan dan inovasi antara pensyarah dan pelajar banyak membantu aspek ini dan ianya boleh dianggap sebagai pendedahan awal pelajar kepada persekitaran penyelidikan yang sihat selain tawaran markah kokurikulum. Insentif kewangan yang telah ditawarkan oleh kepimpinan kanan melalui pembiayaan yuran penyertaan juga memberikan impak positif.

Bagi memastikan pelajar memberikan komitmen terhadap IS2, Pengarah Pusat Asasi telah meluluskan permohonan pelaksanaan aktiviti kokurikulum pada setiap Jumaat jam 3 petang dan arahan tidak membenarkan pelajar pulang bermalam pada tarikh-tarikh tertentu juga dikeluarkan (rujuk Bukti 3). Staf akademik yang menjadi penasihat kelab layak mendapat 1 kredit di bahagian Penyeliaan MyATP manakala staf bukan akademik, markah prestasi tahunan dipertimbangkan dengan mengambil kira tugas sebagai penasihat kelab. Kelab-kelab yang memberi impak kepada pembangunan pelajar diiktiraf dalam Majlis Anugerah Kokurikulum (MAKO) Pusat Asasi (rujuk Bukti 4). Ianya sebagai penghargaan kepada penasihat kelab yang cemerlang serta mampu menarik minat lebih ramai staf melibatkan diri sebagai penasihat kelab.

PPT merupakan program akademik di bawah bidang kuasa HEA. KPP ACIS yang bertindak sebagai KPP Plus Tahfiz bertanggungjawab memantau perjalanan PPT bagi memastikan aktiviti berbentuk akademik dan ko-kurikulum berjalan dengan lancar. Pensyarah-pensyarah dan guru-guru tahfiz yang bertauliah serta berkelayakan khas dalam bidang hafazan dilantik khusus untuk mengendalikan kelas-kelas hafazan pelajar. Ini turut melibatkan insentif kewangan kepada guru hafazan ini. Elaun bulanan dibayar sebagai dorongan dan penghargaan atas khidmat bakti yang dihulurkan (rujuk Bukti 5). Pensyarah dan guru hafazan turut dilibatkan dalam program pelajar seperti majlis-majlis rasmi Program Plus Tahfiz dan Program Persatuan Pelajar Plus Tahfiz.

SENARAI BUKTI :

1. [Bukti 1_4.4.3.pdf](#)
2. [2.4.3_1_feedback form CDU 2020.pdf](#)
3. [2.4.3_2_petikan laporan akhir AICD 2019.pdf](#)
4. [2.4.3_3_post mortem dan sampel_new.pdf](#)
5. [2.4.3_4_petikan laporan merit kokurikulum.pdf](#)
6. [2.4.3_5_cadangan program Plus Tahfiz 2020.pdf](#)

KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN

3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelajar merupakan pelanggan yang menerima ganjaran dan faedah hasil daripada aktiviti dan program yang dirancang oleh pihak pengurusan UiTM Kampus Dengkil. Pembangunan pelajar amat perlu dititikberatkan untuk meningkat keupayaan pengetahuan, kreativiti dan inovasi agar dapat mencapai misi Universiti Teknologi MARA (UiTM). Kejayaan pelajar UiTM bukan sahaja dilihat dari aspek kecemerlangan akademik, tetapi juga dari aspek keperibadian modal insan yang dapat dicapai apabila segala aspek pembangunan pelajar tersebut dipenuhi. Pembangunan pelajar dapat dilaksanakan melalui program dan aktiviti yang terancang yang dipantau serta ditambah baik dari masa ke semasa bagi mendapatkan output yang maksima.

Kokurikulum adalah wadah paling berkesan untuk merealisasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan terutamanya dalam konteks melahirkan pelajar yang seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial. Ini kerana setiap aktiviti mempunyai sumbangan tersendiri dalam pembentukan sahsiah dan jati diri para pelajar. Proses pembelajaran dan pengajaran dalam aktiviti kokurikulum lebih menekankan aspek yang tersembunyi seperti nilai, bakat, peranan, kepimpinan dan sosial.

Perancangan bagi setiap program yang difokuskan bagi pembangunan pelajar di Pusat Asasi amat penting kerana faktor luaran dan dalam banyak mempengaruhi perjalanan program yang dirancang. Antara aktiviti dan program luar akademik yang difokuskan dalam tema Pembangunan Pelajar adalah International Conference on Research and Practices in Science, Technology and Social Sciences (I-CReST), ASID Innovation & Creativiti Day (AICD), Kelab dan Aktiviti Pelajar dan Program Plus Tahfiz.

Pelaksanaan aktiviti dan program yang dirancang melibatkan semua pihak seperti Unit Hal Ehwal Akademik, Unit Hal Ehwal Pelajar, pihak kolej, staf akademik dan staf sokongan untuk memastikan kelancaran aktiviti dan mendapatkan hasil yang cemerlang. Antara pelaksanaan yang dilakukan adalah hebahan melalui poster dan aplikasi media sosial, sistem pendaftaran kokurikulum pelajar dan gabungan kerjasama antara pensyarah dan pelajar sebagai jawatankuasa sesuatu program.

Setelah pelaksanaan aktiviti dan program dijalankan, pihak pengurusan memantau proses dan output dalam aktiviti yang dilaksanakan. Mesyuarat berkala, laporan kemajuan dan borang soal selidik maklum balas merupakan antara medium yang digunakan bagi tujuan pemantauan. Pemantauan dari semasa ke semasa dilakukan bagi memastikan ruang dan peluang penambahbaikan yang lebih sistematik. Hasil pemantauan pihak pengurusan akan dapat mengenalpasti kebaikan dan kekurangan pelaksanaan program dan aktiviti dan seterusnya menyarankan cadangan penyelesaian masalah.

Proses penambahbaikan merupakan tindakan selanjutnya yang akan dilakukan oleh pihak pengurusan kampus UiTM. Melalui proses ini, beberapa penambahbaikan seperti pengurangan yuran konferens dan pemberian e-sijil. Selain itu, penganjuran sesi perkongsian pengalaman turut dijalankan sebelum sesuatu aktiviti untuk memberi panduan kepada pelajar mengenai input yang diperlukan dalam pertandingan yang akan disertai.

Kesemua proses yang dijalankan dengan sistematik dan terancang telah membuahkan hasil yang positif dan membanggakan. Antara hasil ketara yang dapat dilihat dalam diri pelajar setelah menyertai aktiviti dan program yang dianjurkan adalah pelajar dapat mengembangkan jaringan sosial, mengasah kemahiran kepimpinan, berupaya menambak kemahiran komunikasi dan pembentangan. Dalam masa yang sama, pendedahan pada peringkat antarabangsa juga dapat menambah domain pengetahuan terkini yang membentuk pelajar berfikiran kritis dan kreatif.

3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Kumpulan sasaran adalah penting kerana dengan memberi tumpuan kepada kumpulan teras ini, objektif aktiviti akan dapat dicapai dengan lebih berkesan. Selain daripada itu, kumpulan sasaran ini juga dapat membantu pihak pengurusan untuk mempunyai kawalan yang lebih teratur dalam merealisasikan tujuan utama sesuatu program atau aktiviti.

Secara umumnya, pelanggan bagi kumpulan sasaran pembangunan pelajar di Kampus Dengkil merupakan pelajar dari kursus Sains, Kejuruteraan, Undang-undang dan juga TESL. Namun, kumpulan sasaran yang difokuskan adalah pelajar yang menyertai I-CReST, AICD, Kelab dan Program Plus Tahfiz. Setiap kumpulan sasaran ini adalah mengikut objektif setiap aktiviti dan program.

I-CReST: Kumpulan sasaran bagi konferens antarabangsa ini disertai oleh pensyarah dan juga pelajar khususnya pelajar daripada kursus undang-undang. Para pelajar yang menyertai I-CReST merupakan pelajar yang menghasilkan kajian berdasarkan salah satu mata pelajaran undang-undang yang dipelajari.

AICD: Bagi pertandingan inovasi ASID, pelanggan dikenali melalui iklan yang telah diedarkan kepada kumpulan pensyarah dan pelajar. Aplikasi seperti Telegram, Whatsapp dan Facebook Pusat Asasi telah digunapakai untuk mendapatkan peserta untuk pertandingan ini. Pelajar akan bertindak sebagai Ketua Projek sementara pensyarah merupakan Penasihat Projek.

KELAB DAN AKTIVITI PELAJAR: Bahagian Hal Ehwal Pelajar sangat menggalakkan para pelajar untuk menyertai aktiviti kokurikulum selain aktiviti berkaitan akademik. Antara kelab yang diminati adalah Kelab Debat dan pelajar Pusat Asasi boleh mendaftar sebagai ahli Kelab Debat melalui laman web Cocurriculum Registration System (CRS), <https://asid.uitm.edu.my/student>. CRS merupakan satu platform pendaftaran untuk semua aktiviti kokurikulum pelajar. Bilangan pelajar yang boleh menyertai Kelab Debat adalah terhad iaitu seramai 50 orang sahaja. Pelanggan bagi kumpulan sasaran merupakan pelajar yang mendaftar sebagai ahli Kelab Debat.

PROGRAM PLUS TAHFIZ: Pelanggan yang merupakan pelajar yang dipilih untuk menyertai program ini adalah mereka yang berjaya memenuhi syarat kemasukan iaitu menghafal 30 juzuk al-Quran dan mempunyai sijil tahfiz yang diiktiraf. Bagi program yang berkredit, pelanggan perlu menghafal sekurang-kurangnya 15 juzuk al-Quran. Program memerlukan kesungguhan yang tidak berbelah bagi dan kesediaan memberikan komitmen yang terbaik dalam menghadiri setiap aktiviti yang dijalankan.

Terdapat tiga (3) platform untuk pelajar yang menyertai Program Plus Tahfiz ini iaitu mereka yang menghafal 30 juzuk dan mengikuti semua kod pelajaran yang ditawarkan pada Semester 1 dan Semester 2 akan diiktirafkan sebagai pelajar Plus Tahfiz. Terdapat juga mereka yang hanya menghafal 15 juzuk dan mengambil 2 mata pelajaran yang ditawarkan khas oleh Pusat Asasi iaitu CTU061 dan CTU062 akan diiktirafkan sebagai pelajar Plus Tahfiz berkredit (sila rujuk Bukti 1). Bagi pelajar yang berminat untuk mengikuti hafazan di dalam program ini, akan dianugerahkan sijil penyertaan setelah menamatkan hafazan juzuk yang ditetapkan.

SENARAI BUKTI:

1. [BUKTI 3.2.pdf](#)

3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Dalam merealisasikan objektif program, terdapat beberapa cara bagi pengumpulan data pelanggan dan kaedah memastikan penglibatan kumpulan sasaran di dalam bidang pembangunan pelajar.

I-CReST: Pensyarah perlu mengenal pasti hasil kajian para pelajar yang memberi impak positif kepada masyarakat atau mempunyai potensi untuk dikomersialkan. Pensyarah juga boleh memberi tunjuk ajar kepada para pelajar untuk menambahbaik hasil kajian agar dapat mencapai tahap pertandingan di peringkat antarabangsa.

AICD: Data pelanggan dikumpul, disimpan dan dikenalpasti melalui Google Form. Pelajar boleh memilih untuk menyertai pertandingan sama ada dalam kategori Sains dan Teknologi atau Sains Sosial (sila rujuk Bukti 1). Pensyarah akan bertindak sebagai mentor atau penasihat projek. Untuk meningkatkan penglibatan para pelajar di dalam AICD, tiada yuran penyertaan dikenakan.

KELAB DAN AKTIVITI PELAJAR: Data pelanggan dikumpul, disimpan dan dikenalpasti melalui laman web Cocurriculum Registration System (CRS), <https://asid.uitm.edu.my/crs/main.php>. Penasihat Kelab boleh menyemak kehadiran, penglibatan program yang dijalankan serta rekod markah kokurikulum para pelajar melalui system ini. Dalam masa yang sama, Penasihat Kelab boleh menyampaikan maklumat seperti panggilan mesyuarat ataupun peringatan mengenai aktiviti yang dijalankan di dalam kumpulan kelab melalui aplikasi Whatsapp.

PROGRAM PLUS TAHFIZ: Data pelanggan dapat dikumpul dan disimpan melalui Bahagian Kemasukan Pelajar UiTM Shah Alam yang akan memaklumkan Unit Plus Tahfiz, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Shah Alam yang seterusnya akan menghubungi Unit Program Plus Tahfiz UiTM Kampus Dengkil tentang tawaran kemasukan pelajar. Selain itu, data pelanggan juga dapat dikenalpasti melalui aplikasi Whatsapp atau Telegram yang dibuat oleh Unit Plus Tahfiz UiTM Kampus Dengkil di mana pelajar yang berminat boleh menghubungi pegawai yang terlibat untuk mendapatkan maklumat yang lebih terperinci mengenai program ini. Seterusnya pelajar yang mendapat tawaran perlu menghantar dokumen yang diperlukan seperti Sijil SPM, surat tawaran Asasi dan sijil Tahfiz. Data pelajar ini akan dikumpulkan dalam satu senarai dalam bentuk Words untuk memudahkan semakan bila para pelajar mendaftar kemasukan ke kampus.

Pihak pengurusan melaksanakan pelbagai program dan aktiviti sepanjang tempoh pengajian di Pusat Asasi seperti Majlis Tausiyyah bersama pihak pengurusan Plus Tahfiz (sila rujuk Bukti 2) dan pengurusan Pusat Asasi UiTM, Program Halaqah Bulanan (bacaan kitab, bual mesra dan pengisian rohani), Program bersama masyarakat sekitar kampus (maahad tahfiz, orang asli), Penyertaan dalam pertandingan peringkat Pusat Asasi dan luar (hafazan, tilawah), Majlis Apresiasi (untuk mengiktiraf pencapaian dan komitmen pelajar), melaksanakan Kem Plus Tahfiz di kampus tertentu contohnya di UiTM, Cawangan Terengganu, mengadakan lawatan ke Maahad Tahfiz tertentu untuk memberikan pendedahan kepada para pelajar. Contohnya Maahad Tahfiz di Kemaman, Terengganu, menyertai Himpunan Plus Tahfiz seluruh sistem UiTM dan menyertai Ujian Tilawah al-Quran dan Hafazan al-Quran peringkat Daerah Sepang, Selangor.

SENARAI BUKTI :

1. [BUKTI 3.3.1.pdf](#)
2. [BUKTI 3.3.2.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Terdapat pelbagai kebaikan dan ganjaran yang diperoleh oleh pelanggan hasil daripada penyertaan dalam aktiviti-aktiviti tumpuan yang dipilih. Kebaikan yang diperolehi bersifat holistik, di mana para pelajar bukan sahaja boleh menimba ilmu pengetahuan, malahan dapat menggilap kemahiran insaniah apabila menyertai aktiviti-aktiviti tumpuan tersebut.

I-CReST: Antara ganjaran yang diperoleh oleh para pelajar apabila menyertai konferens ini adalah mereka peluang berkongsi hasil penyelidikan melalui pembentangan di peringkat antarabangsa. Selain itu, para pelajar juga dapat berkolaborasi dan mengembangkan rangkaian sosial dengan peserta daripada universiti dalam dan luar negara. Hasil kajian penyelidikan pelajar yang berpotensi, mempunyai peluang untuk diterbitkan dalam jurnal Scopus, MyCite, MyJournal atau e-proceedings (sila rujuk Bukti 1). Melalui konferens ini juga, para pelajar akan dapat bersaing secara sihat dan pelajar yang dapat membentang dengan cemerlang, akan dianugerahkan Pembentang Terbaik (sila rujuk Bukti 2).

AICD: Kebaikan yang para pelajar perolehi melalui pertandingan AICD ini adalah peluang untuk bekerja dalam kumpulan, dapat pengalaman untuk bertanding antara kumpulan dan didedahkan kepada kemahiran berfikir secara kreatif dan inovatif. Satu bengkel mengenai kaedah pembentangan dan kepentingan inovasi juga dijalankan semasa pertandingan AICD ini yang dapat membantu para pelajar memahami aspek inovasi dengan lebih baik (sila rujuk Bukti 3). Ini dapat dijadikan sebagai nilai tambah untuk pelajar tersebut apabila mereka menghadiri temuduga peringkat Sarjana Muda.

KELAB DAN AKTIVITI PELAJAR: Kebaikan yang para pelajar dapat perolehi apabila menyertai aktiviti kelab adalah terbentuk sifat kerjasama dan komunikasi yang baik iaitu antara kemahiran insaniah yang diperlukan oleh pelajar. Sebagai contoh, apabila menyertai Kelab Debat pelajar akan dapat mempelajari kemahiran berdebat yang betul dan juga dapat meningkatkan tahap keyakinan bercakap di depan orang awam. Pelajar yang didedahkan kepada latihan berdebat dan juga pertandingan berdebat akan memperoleh secara tidak langsung dapat menggilap kemahiran insaniah mereka.

PROGRAM PLUS TAHFIZ: Pelanggan yang mengikuti program ini mendapat kebaikan yang merupakan platform bagi mereka yang telah hafiz al-Quran untuk mengulang hafazan selama setahun tempoh pengajian di Pusat Asasi. Bagi mereka yang baru belajar menghafal, program ini merupakan juga satu platform untuk membentuk para pelajar dalam aspek hafazan. Sijil penyertaan juga diberikan kepada pelajar yang berminat mengikuti siri hafazan yang disediakan oleh program ini (sila rujuk Bukti 4).

SENARAI BUKTI:

1. [BUKTI 3.4.1.1.pdf](#)
2. [BUKTI 3.4.1.2.pdf](#)
3. [BUKTI 3.4.1.3.pdf](#)
4. [BUKTI 3.4.1.4.pdf](#)

3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Di dalam sesebuah institusi, risiko bukanlah sesuatu yang asing yang boleh menghalang kejayaan pelaksanaan sesuatu aktiviti. Namun, sekiranya risiko tersebut diuruskan dengan efisien, mampu menyumbang kepada nilai tambah kepada aktiviti tersebut.

I-CReST: Para peserta mempunyai target untuk menerbitkan hasil kajian mereka ke dalam jurnal berindeks Scopus, MyCite atau MyJournal. Sekiranya hasil kajian penyelidikan tersebut tidak mencapai tahap yang ditetapkan, para pelajar masih mempunyai peluang penerbitan apabila hasil kajian tersebut dimasukkan ke dalam e-proceeding konferens. Antara risiko lain adalah kurang penyertaan daripada para pelajar di mana pihak penganjur mengatasi risiko ini dengan memberikan sijil dan cenderamata untuk menarik minat para pelajar. Oleh yang demikian, risiko penyertaan yang rendah daripada pelajar dapat diminimakan.

AICD: Perintah Kawalan Pergerakan telah menyebabkan kekangan di kalangan pelajar untuk menghasilkan inovasi terbaik yang mempunyai idea terbaru dan asli. Mereka juga tidak berupaya untuk menghasilkan 'working prototype' untuk dipamerkan di pertandingan AICD. Sekiranya terdapat prototaip semasa pertandingan, mereka akan diberikan markah tambahan. Pada masa ini, pelajar hanya mampu menambahbaik idea inovasi yang sedia ada untuk dipertandingkan. Kaedah untuk menguruskan risiko ini adalah melalui pemberian markah tambahan untuk hasil kerja asli di mana pihak penganjur boleh menyemak keaslian sesuatu projek melalui patent search yang dilakukan. Di samping itu, penasihat sendiri boleh membantu dengan memberikan tajuk inovasi kepada para pelajar agar dapat menjamin keaslian idea projek.

KELAB DAN AKTIVITI PELAJAR: Risiko yang dihadapi oleh kelab di bawah HEP adalah kurang komitmen yang diberikan oleh pelajar dari aspek penyertaan yang aktif dan kehadiran dalam aktiviti yang dijalankan. Antara kaedah untuk menguruskan risiko ini adalah dengan mengingatkan para pelajar bahawa markah kokurikulum tidak akan diberikan yang mana akan menyebabkan kekurangan merit bagi mereka untuk memohon kemasukan ke peringkat Ijazah Sarjana Muda melalui sistem Unit Pusat Universiti (UPU).

PROGRAM PLUS TAHFIZ: Risiko yang dihadapi oleh program ini adalah komitmen daripada pelanggan. Pelajar yang mengikuti kelas tahfiz perlu melakukan hafazan di luar jadual waktu akademik. Ini merupakan satu cabaran kepada pelajar kerana jadual akademik sedia ada pelajar adalah padat iaitu dari pukul 8 pagi hingga 5 petang setiap hari. Dalam masa yang sama, pelajar diwajibkan untuk menghadiri dan menyertai aktiviti anjuran kelab dan sesi konsultasi antara mentor mentee yang berjadual.

SENARAI BUKTI :

3.4.3 MENGAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Untuk memastikan kejayaan dan keberkesanan pelaksanaan program dan aktiviti yang dirancang, Kepimpinan Kanan telah menganalisa pelaksanaan untuk menambaik prestasi.

I-CReST: Pihak jawatankuasa penganjuran konferens menilai semula pelaksanaan program dengan menganalisa peruntukan supaya dapat menjimatkan kos. Yuran penyertaan juga telah dikurangkan daripada RM350 kepada RM150 untuk para pembentang dan telah berjaya menarik lebih ramai penyertaan dalam dan luar negara. Kos dapat dijitmatkan apabila sijil penyertaan dikeluarkan secara atas talian dan dalam masa yang sama, sijil penyertaan bukan sahaja diberikan kepada pembentang, tetapi juga kepada para peserta. Sasaran penyertaan dapat dicapai apabila lebih banyak anugerah ditawarkan kepada para pembentang.

AICD: Bagi tujuan penambahbaikan prestasi pertandingan inovasi ini, penganjur AICD telah mengadakan sesi Bicara Inovasi di mana pihak industri telah dijemput untuk berkongsi pengalaman dan pengetahuan. Objektif sesi ini adalah untuk melahirkan pencipta yang lebih berpengetahuan dan berjaya. Pelajar didedahkan mengenai kepentingan inovasi yang mampu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh masyarakat, kaedah mempromosikan projek inovasi sehingga ke peringkat pengkomersilan serta mendapat hasil pulangan yang berbentuk kewangan (sila rujuk Bukti 1).

KELAB DAN AKTIVITI PELAJAR: Penambahbaikan yang telah dilaksanakan selain daripada mendedahkan pelajar kaedah berdebat yang betul, para pelajar juga telah dilibatkan dalam menjalankan sesuatu konferens pada peringkat antarabangsa. Kelab ini telah mempelbagaikan aktiviti di mana setiap pelajar berpeluang menyertai program yang dirancang sama ada secara langsung atau tidak langsung apabila konferens Model United Nation (ASIDMUN) telah dilaksanakan (sila rujuk Bukti 2 & 3). Para pelajar juga dapat memperolehi kemahiran merancang dan pengalaman menguruskan pertandingan debat di peringkat antarabangsa.

PROGRAM PLUS TAHFIZ: Antara aktiviti penambahbaikan yang dijalankan oleh Program Plus Tahfiz daripada tahun 2019 ke 2021 adalah mewujudkan kursus spesifik bagi program berkredit iaitu CTU061 (Pengantar al-Quran) dan CTU061 (Al-Quran dan Kemanusiaan). Bagi tujuan membangkitkan dan mengekalkan semangat pelajar untuk kekal komited hingga ke hujung semester, penceramah dan tokoh luar dijemput untuk berkongsi pengalaman. Pertemuan bulanan juga diadakan antara pelajar dan penasihat untuk berbincang mengenai isu-isu berbangkit dengan tujuan membantu pelajar menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pelajar. Program ini menghantar pelajar untuk bertanding dalam dan luar Pusat Asasi untuk mendapatkan pengalaman dan pendedahan terhadap pertandingan hafazan.

SENARAI BUKTI :

1. [BUKTI 3.4.3.1.pdf](#)
2. [BUKTI 3.4.3.2.pdf](#)
3. [BUKTI 3.4.3.3.pdf](#)

3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Setelah pihak pengurusan memantau, mengkaji serta mengurus risiko dan menjalankan penambahbaikan ke atas program dan aktiviti yang dirancang, maka program dan aktiviti tersebut dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan efektif.

I-CReST: Konferens I-CReST telah berjaya meningkatkan bilangan pembentangan dari peserta sekali ganda iaitu daripada 100 kepada 200 pembentangan di mana bidang kajian yang ditawarkan untuk tujuan pembentangan juga telah ditambah dan menyumbang kepada penambahan bilangan penyertaan. Peningkatan penyertaan peserta dari peringkat antarabangsa juga menunjukkan penambahan yang membanggakan.

AICD: Bilangan penyertaan pertandingan inovasi bertambah pada tahun 2020 di mana bilangan penyertaan Pertandingan Inovasi produk dari Pusat Asasi Dengkil adalah sebanyak 50 kumpulan (dari CDU2020) berbanding tahun 2019, di mana penyertaan pelajar hanyalah 39 kumpulan (AICD2019). Bilangan pensyarah penasihat juga bertambah dan merupakan satu kebaikan di mana pelajar akan mendapat tunjuk ajar mengenai projek inovasi yang akan dipertandingkan (sila rujuk Bukti 1). Tahap keyakinan diri pelajar juga meningkat kerana pelajar lebih berpengetahuan setelah menghadiri bengkel dan mereka lebih bersedia. Ini terbukti di mana semasa pertandingan Pertandingan Inovasi Antara Asasi dan Matrikulasi (PITRAM) di Terengganu, pelajar dari Kampus Dengkil merupakan pemenang yang menggondol anugerah terbanyak di antara semua Pusat Asasi dan Matrikulasi (13 emas dan 4 perak).

KELAB DAN AKTIVITI PELAJAR: Setelah tindakan pengurusan melaksanakan penambahbaikan, kelab ini telah berjaya memperoleh beberapa anugerah di peringkat Kampus dan Kebangsaan. Hasil daripada aktiviti kokurikulum ini, Pusat Asasi telah berjaya menghasilkan pelajar yang holistik, yang cemerlang bukan sahaja dari aspek akademi malahan kemahiran insaniah. Selain itu, pelajar kelab ini dapat meningkatkan tahap keyakinan diri, memperkayakan pengetahuan mengenai isu semasa dan isu global dan meluaskan jaringan sosial para pelajar (sila rujuk Bukti 2).

PROGRAM PLUS TAHFIZ: Setelah aktiviti penambahbaikan dijalankan, pelanggan program ini dilihat telah memberikan respon yang menggalakkan pada setiap kali pertemuan bulanan yang dapat dikenalpasti melalui rekod kehadiran yang baik. Pelajar menyedari pertemuan bulanan yang dijalankan banyak membantu menyelesaikan masalah jangka pendek yang dihadapi. Melalui program perkongsian pengalaman yang dijalankan, pelajar lebih terdedah dengan peluang dan ruang untuk meningkatkan kualiti dan kuantiti hafazan para pelajar (huffaz).

SENARAI BUKTI :

1. [BUKTI 3.5.1.pdf](#)
2. [BUKTI 3.5.2.pdf](#)

KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pencapaian bidang tumpuan Pusat Asasi UiTM diukur dari masa ke semasa bagi menjamin objektif strategik kampus dapat dicapai dengan cemerlang. Pelaksanaan pengukuran dimulakan dengan menetapkan sasaran pengukuran dan menentukan standard yang ingin dicapai. Setelah itu, proses kerja yang bersesuaian meliputi pengumpulan data, penyediaan laporan, perbandingan dengan data lepas dan KPI, pembentangan serta analisis kelemahan dilakukan bagi mencadangkan langkah penambahbaikan. Langkah penambahbaikan boleh berlaku secara *top-down* melalui lantikan pegawai bertanggungjawab oleh pengurusan kampus atau *bottom-up* melalui inovasi dalam cara kerja atau amalan sihat oleh warga. Hasil daripada langkah yang diambil sentiasa dipantau bagi menilai keberkesanannya seterusnya menjadi asas kepada tindakan pembetulan atau penambahbaikan berterusan.

4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pendekatan yang diambil untuk mengukur bidang tumpuan Pusat Asasi UiTM adalah dengan menilai penglibatan pelajar serta pencapaian dalam 3 hasil utama iaitu;

1. Penyelidikan dan inovasi
2. Kelab dan Aktiviti Pelajar
3. Program Plus Tahfiz

Penilaian meliputi jumlah penglibatan, pencapaian, serta trend peningkatan daripada setiap aspek yang dinyatakan. Gambarajah 4.2a memaparkan hubungan ketiga-tiga elemen ini dan hasil utama Pusat Asasi UiTM (rujuk Bukti 1 Mukasurat 1). Pendekatan ini mencakupi aspek kuantiti dan kualiti. Jumlah penglibatan menunjukkan kuantiti program/acara yang disertai manakala pencapaian menumpukan kepada kualiti pencapaian yang diperolehi hasil daripada penglibatan dalam program yang disertai (contoh: pingat emas vs pingat perak). Trend peningkatan pula menjadi penanda aras kualiti sama ada terdapat prestasi yang konsisten atau kemajuan/kemerosotan bagi selang masa yang ditetapkan. Contoh pengukuran bagi aspek Kelab dan Aktiviti Pelajar (aktiviti bersama komuniti) boleh dirujuk di Gambarajah 4.2b (rujuk Bukti 1 Mukasurat 1) manakala contoh bagi aspek Penyelidikan dan Inovasi boleh dirujuk di Jadual 4.2 (rujuk Bukti 1 Mukasurat 2).

SENARAI BUKTI:

1. [Bukti 1_4.2.pdf](#)

4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Di Pusat Asasi UiTM, proses pemantauan pencapaian dilaksanakan secara berkala dan berperingkat. Proses dimulakan oleh pegawai bertanggungjawab yang terdiri daripada koordinator, penyelar, penasihat dan AJK yang dilantik dengan menyediakan laporan status pencapaian program di bawah seliaan masing-masing. Setelah data diperolehi, perbandingan dibuat di antara pencapaian semasa dengan pencapaian lepas. Seterusnya, semakan dilakukan oleh ketua bahagian bagi mengenalpasti kekuatan, kelemahan, ancaman dan peluang serta cadangan penambahbaikan. Pelaporan status pencapaian yang disediakan ini akan dibentangkan oleh ketua bahagian kepada kepimpinan tertinggi Pusat Asasi UiTM dalam mesyuarat pengurusan. Pemantauan pencapaian juga dilakukan oleh unit kualiti dan unit perancangan strategik Pusat Asasi UiTM. Unit ini mengambil pandangan dan nasihat pengurusan tertinggi Pusat Asasi UiTM bagi tujuan penambahbaikan pencapaian bidang tumpuan serta mencadangkan lantikan pegawai yang bersesuaian bagi tujuan pemantauan, pelaporan dan pelaksanaan. Gambarajah 4.3 memaparkan carta alir proses pemantauan yang diamalkan (rujuk Bukti 1 Mukasurat 1).

SENARAI BUKTI :

1. [Bukti 1_4.3.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Hasil-hasil utama akan sentiasa dipantau kualiti dan keberkesanannya daripada maklum-balas daripada pelanggan dan peserta. Maklumat yang diperolehi akan dianalisa oleh pegawai yang dilantik bagi penambahbaikan. Gambarajah 4.4.1 adalah contoh borang maklum-balas yang digunakan bagi menilai keberkesanan dan cadangan penambahbaikan sesuatu program. Laporan akhir juga akan digunakan bagi tujuan refleksi penambahbaikan untuk program yang akan datang dari segi kualiti, kos dan keberkesanan program tersebut

Melalui maklumat dari pelanggan, pihak berkaitan boleh mengambil langkah proaktif bagi meningkatkan mutu bagi kegunaan program yang akan datang. Pemantauan berterusan bagi setiap program akan memastikan kualiti program tersebut terjamin dan memenuhi tahap piawaian yang ditetapkan.

SENARAI BUKTI:

1. [Bukti 1_4.4.1.pdf](#)

4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Terdapat pelbagai risiko yang boleh menjejaskan pengukuran, analisa dan pengurusan pengetahuan bagi bidang tumpuan Pusat Asasi UiTM. Sekiranya tidak diurus dengan efektif, kebolehpapaian KPI yang ditetapkan pasti sukar. Gambarajah 4.4 memaparkan beberapa risiko dan tindakan yang digunapakai untuk mengatasi risiko tersebut (rujuk Bukti 1 Mukasurat 1).

Terdapat 3 risiko yang dikenalpasti boleh merencatkan proses pengukuran yang berkesan iaitu kesukaran mengumpul data yang berselerak (scattered), data tidak lengkap serta kegagalan memenuhi KPI pencapaian yang telah ditetapkan kerana pelaksanaan proses yang tidak berpandukan data.

Data sukar dikumpulkan kerana ia datang dari pelbagai sumber dan pengumpulannya tidak berpusat (centralized) ke satu sumber yang mudah diakses dan dirujuk. Ini menyebabkan data yang dikumpulkan tidak lengkap atau tidak relevan dengan situasi yang berubah-ubah. Selain itu, data juga mungkin hilang, rosak, atau tidak dilaporkan sama sekali berikutan pemantauan yang lemah. Kekurangan data juga menyebabkan kelemahan sukar dikenalpasti dan langkah penambahbaikan yang efektif tidak dapat diambil. Kesannya, proses kerja yang sama diulang semula dan KPI terus-menerus tidak dapat dicapai.

SENARAI BUKTI :

1. [Bukti 1_4.4.2.pdf](#)

4.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Inisiatif pembudayaan pelaporan yang lengkap dan penghantaran yang sistematik dilaksanakan untuk mengurangkan risiko kepada pengukuran bidang tumpuan.

Di Pusat Asasi UiTM, pelaporan untuk sesebuah program atau acara yang dilaksanakan hendaklah disiapkan dan dihantar berserta bukti bergambar bagi tujuan rekod data dan hebahan dalam **tempoh 14 hari** selepas penganjuran program. Penegasan amalan ini sentiasa ditekankan melalui peringatan yang diberikan di dalam surat kelulusan program yang dikeluarkan oleh Ketua Jabatan. Kegagalan menghantar laporan di saluran yang ditetapkan boleh menyebabkan permohonan kewangan di masa akan datang tidak dipertimbangkan. Gambarajah 4.4.3a menunjukkan contoh surat rasmi yang berkenaan (rujuk Bukti 1 Mukasurat 1).

Untuk program yang menggunakan dana Tabung Amanah Pelajar Akademik (TAPA), saluran bagi tujuan penghantaran laporan disediakan oleh Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA) Pusat Asasi UiTM dan boleh diakses dengan mudah oleh semua warga melalui platform e-TAPA report. Paparan GoogleForm penghantaran laporan e-TAPA boleh dilihat di Gambarajah 4.4.3b (rujuk Bukti 1 Mukasurat 2).

SENARAI BUKTI :

1. [Bukti 1_4.4.3.pdf](#)

4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Komitmen berterusan Pusat Asasi UiTM bagi memastikan pengukuran bidang tumpuan dapat dilakukan dengan efisien telah melahirkan inovasi dalam kaedah pemantauan penghantaran laporan program yang telah dianjurkan. Sebelum ini, pemantauan amat sukar dilakukan berikutan jumlah program yang tinggi serta kekangan masa, menyebabkan data hilang atau tidak sempurna.

4.5.1 Portal ASiD Academic

Portal ASiD Academic diperkenalkan sebagai sebuah *one-stop centre* bagi hebahan informasi rasmi, maklumat akademik, serta permohonan dana Tabung Amanah Pelajar Akademik (TAPA) dan penghantaran laporan selepas program selesai dianjurkan. Gambarajah 4.5.1a menunjukkan paparan platform e-TAPA di Portal ASiD Academic (rujuk Bukti 1 Mukasurat 1).

Bermula 1 Ogos 2019, kesemua permohonan dana TAPA dan laporan program hendaklah dilakukan secara *paperless* dan dipusatkan (*centralized*) ke platform e-TAPA di portal ASiD Academic. Pemohon boleh menghantar permohonan, menyemak kelulusan, memuat turun surat kelulusan dan menghantar laporan program di platform yang sama. Gambarajah 4.5.1b menunjukkan paparan **permohonan program** di platform e-TAPA. (rujuk Bukti 1 Mukasurat 2).

Melalui platform e-TAPA, pemantauan ke atas penghantaran laporan bukan sahaja dapat dilakukan oleh Ketua Jabatan malah dapat dilihat oleh semua warga pada bila-bila masa dan di mana jua. Penganjur program yang belum menghantar laporan dapat dikenalpasti dengan segera oleh Ketua Jabatan dan warga. Proses pemantauan dapat diperluaskan dengan melibatkan warga supaya dapat memperingatkan rakan-rakan yang belum menyelesaikan tanggungjawab untuk bertindak segera sebelum dikenakan tindakan. Gambarajah 4.5.1c menunjukkan paparan **status penghantaran laporan** di e-TAPA (rujuk Bukti 1 Mukasurat 3).

Selain itu, kaedah penghantaran laporan secara *paperless* juga menjimatkan masa dan ruang, serta membolehkan penghantaran laporan dilakukan dengan mudah. Risiko kehilangan dokumen juga diminimumkan kerana data disimpan di storan awan (cloud storage) BHEA.

SENARAI BUKTI :

1. [Bukti 1_4.5.pdf](#)

KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA

5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Keberkesanan dan kecemerlangan sesuatu program atau aktiviti di sesebuah organisasi adalah bergantung kepada pengurusan sumber manusia yang efisien. Matlamat dan objektif perancangan dapat dicapai sekiranya kesemua pihak yang terlibat bersama-sama membantu memberikan khidmat bakti serta komitmen yang tinggi dalam memastikan setiap perincian perancangan berjalan dengan lancar. Pusat Asasi sentiasa menekankan gerak kerja secara berpasukan. Kakitangan akademik mahupun pengurusan bersama-sama menggembelng tenaga demi memastikan pembangunan pelajar dapat dicapai mengikut KPI yang ditetapkan.

Seiring dengan itu, pelbagai usaha telah dijayakan dalam memastikan pembangunan pelajar di Pusat Asasi terus cemerlang bukan sahaja dalam bidang akademik malah juga cemerlang dalam pembangunan insaniah melalui aktiviti kokurikulum dan pematuhan sahsiah diri. Pembentukan jati diri pelajar yang holistik serta berdaya saing adalah lambang kecemerlangan dan ketampakan positif Pusat Asasi dalam masyarakat luar. Persekitaran serta ruang kerja yang kondusif diwujudkan agar setiap warga kakitangan Pusat Asasi sentiasa bersemangat dan produktif. Penyesuaian dalam norma baharu juga telah berjaya diadaptasi dalam pelbagai program pembangunan pelajar. Pemantauan dari semasa ke semasa serta pengurusan risiko yang cekap telah dijalankan dalam memastikan inisiatif strategik berjaya dicapai.

Pusat Asasi sentiasa berusaha melakukan penambahbaikan dan meningkatkan pembudayaan amalan yang baik dan terancang. Pelbagai bentuk inovasi telah berjaya diwujudkan bagi meningkatkan kecemerlangan dalam menguruskan program pembangunan pelajar. Usaha berterusan ini juga dilaksanakan melalui pemantapan pengurusan prestasi, pengiktirafan dan sanjungan serta motivasi bersifat intrinsik juga ekstrinsik. Sehubungan dengan itu, prestasi kerja warga Pusat Asasi dapat dilihat melalui penilaian keberhasilan, penetapan sasaran dan akauntabiliti, serta pengiktirafan yang sejajar dengan misi dan visi Pusat Asasi.

5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Dalam meningkatkan kecemerlangan pembangunan pelajar, Pusat Asasi telah mengoptimalkan sumber manusia dengan menyusun struktur pengurusan kampus yang melibatkan dua bahagian pentadbiran utama iaitu bahagian Hal Ehwal Akademik, Penyelidikan dan Inovasi (API) serta bahagian Hal Ehwal Pelajar, Jaringan Industri dan Alumni (HEP & ICAN). Seterusnya, warga Pusat Asasi turut dilibatkan sebagai ahli jawatankuasa yang diwujudkan dalam mencapai inisiatif strategik seperti yang dipaparkan dalam Rajah 5.1 (Sila rujuk Bukti 1, muka surat 1). Pelbagai kursus, bengkel dan seminar yang relevan dan efektif telah dianjurkan dalam meluaskan lagi pengetahuan dan meningkatkan kemahiran warga Pusat Asasi. Kepakaran warga akademik sebagai penasihat akademik pelajar, penasihat projek inovasi, penasihat kelab kokurikulum, ketua penulis artikel, pembangun sistem dan guru tasmik dioptimalkan dalam mencapai KPI Pusat Asasi.

Penglibatan dan pengoptimalan kepakaran warga Pusat Asasi dalam mencapai inisiatif strategik disenaraikan dalam Rajah 5.2 (Sila rujuk Bukti 1, muka surat 1).

Tiga projek utama ditekankan dalam kecemerlangan pembangunan pelajar iaitu penyelidikan dan inovasi, aktiviti pelajar serta program Plus Tahfiz. Pengoptimalan sumber manusia di kalangan warga Pusat Asasi adalah mengikut bidang-bidang kepakaran tertentu dengan tujuan mengkoordinasi aktiviti-aktiviti berkaitan penyelidikan, inovasi, pembangunan insaniah dan pengajian Al-Quran. Penglibatan staf berkepakaran dapat dilihat melalui pelantikan sebagai penasihat akademik pelajar, penasihat projek inovasi, ketua penulis artikel, pembangun sistem, penasihat kelab kokurikulum, pengurus pasukan, guru tasmik, ahli jawatankuasa dan lain-lain di bawah inisiatif strategik.

Gandingan dan kerjasama mantap antara staf akademik dan pentadbiran dalam setiap aktiviti yang dijalankan telah mewujudkan suasana budaya kerja yang harmoni, cemerlang dan berkualiti. Seterusnya menghasilkan kejayaan dalam setiap penganjuran aktiviti sama peringkat kampus, universiti, kebangsaan dan antarabangsa serta pihak luar seperti dari industri dan badan professional. Dalam meningkatkan kepakaran, Pusat Asasi telah menganjurkan beberapa sesi taklimat, seminar dan bengkel bersiri secara bersemuka atau atas talian yang bersesuaian dengan mendapatkan kerjasama badan-badan berkaitan seperti paparan pada Gambarajah 5.1 (sila rujuk Bukti 1, muka surat 2). Pada masa yang sama, Pusat Asasi amat menggalakkan penyertaan kursus atau bengkel bagi menjalani latihan serta memperluas pengetahuan dan peningkatan kemahiran dan profesionalisme. Antara latihan yang dianjurkan dan disertai oleh warga Pusat Asasi adalah Kursus Anjuran Pusat Asasi (sila rujuk Bukti 2), Kursus Anjuran ILD (sila rujuk Bukti 3), Kursus Anjuran Luar (Dalam Negeri) (sila rujuk Bukti 4).

SENARAI BUKTI:

1. [5.2_Bukti_1_CFS.pdf](#)

5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Penstrukturan organisasi dan pembentukan jawatankuasa-jawatankuasa yang terdiri daripada staf akademik dan staf pentadbiran dapat membantu merealisasikan rancangan yang telah dibuat. Staf akademik Pusat Asasi yang mempunyai kepelbagaian latar belakang kepakaran yang berbeza memberikan kelebihan kepada Pusat Asasi dalam merangka aktiviti-aktiviti pembangunan pelajar. Kecemerlangan pembangunan pelajar yang memfokuskan aktiviti-aktiviti berkaitan penyelidikan, inovasi, pembangunan insaniah dan pengajian Al-Quran dikoordinasikan dengan mengoptimumkan kepakaran staf akademik mengikut kepakaran bidang dalam penyeliaan khususnya, penasihat-penasihat kelab, pengurus-pengurus pasukan dan juga pembangun sistem, manakala kepakaran staf pentadbiran dioptimumkan dalam pelaksanaan penganjuran program. Pusat Asasi juga menitikberatkan perkongsian ilmu dikalangan kakitangan kampus sama ada dikalangan staf akademik ataupun pentadbiran. Sesi perkongsian ilmu ini adalah penting untuk pembangunan sumber manusia dan juga dapat digunakan sebagai rujukan penambahbaikan dari semasa ke semasa.

Rajah 5.3 menunjukkan data statistik beberapa program inovasi berskala besar yang telah dianjurkan oleh Pusat Asasi dengan melibatkan kepakaran para pensyarah sebagai penyelia projek inovasi, jawatankuasa penganjur, juri dan editor abstrak serta banyak lagi peranan yang signifikan (sila rujuk Bukti 1, muka surat 1). Komitmen padu yang telah diberikan oleh staf akademik dan pentadbiran dalam menjayakan program ini berjaya merealisasikan objektif kecemerlangan pembangunan pelajar dalam memupuk minat para pelajar menerusi budaya rekacipta dan inovasi. Secara tidak langsung, penganjuran ini telah memberikan peluang bagi para pelajar dan staf Pusat Asasi untuk menonjolkan bakat di dalam bidang rekacipta dan inovasi sekaligus mendapat pengiktirafan berprestij.

Seterusnya, objektif program untuk mengetengahkan hasil rekacipta dan inovasi dalam bentuk penulisan dan penerbitan telah berjaya dicapai melalui penghasilan buku prosiding 2nd Innovation & Creative Day (AiCD 2019) dan buku abstrak Creations de UiTM (CDU 2020) yang telah diterbitkan dan dimuatnaik dalam laman sesawang Pusat Asasi seperti pada paparan Gambarajah 5.2 (sila rujuk Bukti 1, muka surat 1).

Seterusnya, dalam Gambarajah 5.3 pula mepaparkan kepakaran staf akademik juga dioptimumkan melalui penglibatan sebagai penyelia projek, pengurus kontinjen dan peserta dalam penyertaan pertandingan inovasi yang dianjurkan agensi luar seperti Pertandingan Inovasi Inter-Asasi & Matrikulasi (PIITRAM), Yayasan Inovasi Malaysia (YIM), Invention, Innovation and Design Exposition (IIDEX) dan lain-lain (sila rujuk Bukti 1, muka surat 2).

Pusat Asasi juga komited dalam penganjuran program yang menyediakan platform untuk membentangkan hasil kerja penyelidikan dan inovasi melalui penganjuran International Conference on Research Practices in Science, Technology and Social Sciences (I-CReST) dengan mengoptimumkan kepakaran di kalangan staf akademik dan staf pentadbiran. Bersesuaian dengan norma baharu, Pusat Asasi telah berjaya menganjurkan konferensi antarabangsa secara atas talian seperti tertera dalam Gambarajah 5.4 (sila rujuk Bukti 1, muka surat 2).

Sebanyak 112 buah kelab kokurikulum telah ditubuhkan bagi memastikan keperluan aktiviti

pembangunan pelajar dapat menampung jumlah pelajar di kampus. Rajah 5.4 menunjukkan bilangan aktiviti berjaya dijalankan (sila rujuk Bukti 1, muka surat 3). Kecenderungan kepakaran sumber manusia digunakan secara optimum bagi memastikan setiap aktiviti yang dijalankan dapat memberikan impak yang positif dari segi pembangunan pelajar iaitu menerusi bimbingan dan tunjuk ajar. Pelajar bukan sahaja dapat menyertai pelbagai jenis aktiviti yang disediakan, malah mereka turut diberi pendedahan dan ilmu dalam merencana sesuatu penganjuran program.

Antara kelab kokurikulum yang telah diwujudkan adalah Kelab Debat Pusat Asasi yang diselaja oleh pensyarah Asasi Undang-Undang. Menerusi kelab ini, pelajar Asasi diberi peluang untuk menganjurkan aktiviti-aktiviti debat atau menyertai pertandingan-pertandingan debat sama ada anjuran peringkat dalaman mahupun luar seterusnya, mencapai kejayaan dalam pertandingan dan mendapat pengiktirafan seperti dalam paparan Gambarajah 5.5 (sila rujuk Bukti 1, muka surat 3). Pengiktirafan ini membuktikan bahawa kepakaran sumber manusia telah dioptimumkan dalam memastikan kecemerlangan pembangunan pelajar Pusat Asasi.

Dalam aktiviti pembangunan pelajar melalui bimbingan pengajian al-Quran yang dijalankan melibatkan sesi kelas Kefahaman Al-Quran dan Hafazan al-Quran telah berjaya dijalankan secara bersemuka di Pusat Islam, UiTM Kampus Dengkil dan juga secara atas talian bersama guru tasmik bertauliah yang telah dikenalpasti di kalangan pensyarah Pusat Asasi. Pengoptimalan kepakaran dapat dilihat melalui perjalanan program yang dikoordinasikan di bawah Ketua Pusat Pengajian Akademi Pengajian Islam dan Kontemporari (ACIS) Pusat Asasi, bersama Penasihat, Penyelaras Program Plus Tahfiz dan enam guru tasmik bertauliah seperti tertera dalam Rajah 5.5 (sila rujuk Bukti 2, muka surat 1). Staf akademik yang terlibat amat komited dalam merealisasikan visi dan misi program Plus Tahfiz dengan menganjurkan aktiviti sampingan yang berimpak positif.

Kecemerlangan pembangunan pelajar juga telah berjaya ditonjolkan melalui bimbingan staf akademik dalam penganjuran program peringkat kampus melibatkan 4500 pelajar dalam Festival Islam Pusat Asasi (FIPA) merangkumi pelbagai aktiviti dan pertandingan seperti Pertandingan Tilawah, Hafazan, Nasyid, Daie Muda, Komik Dakwah, Kuiz Dini, Jawi-it-right, Azan dan Video Dakwah yang dapat dilihat pada paparan Gambarajah 5.6 (sila rujuk Bukti 2, muka surat 1).

Terdapat banyak lagi aktiviti yang telah dianjurkan dibawah program Plus Tahfiz yang dibimbing oleh para pensyarah berkepakaran dalam mencapai kecemerlangan pembangunan pelajar seperti penganjuran Program Musabaqah Hafazan Al-Quran, program Liqa Mahabbah & Tausiyyah, program Huffaz & Komuniti ke rumah anak yatim, rumah pemulihan akhlak Raudhatul Sakinah, kerja amal pembersihan tapak kubur dan beberapa siri lawatan ke Kompleks Nasyrul Al-Quran, Yayasan Restu dalam aktiviti Al-Jaulah Al-Quraniah dan Kembara Rehlah Nabawiyah. Hasil dorongan dan bimbingan yang diberikan oleh guru tasmik kepada pelajar program Plus Tahfiz telah memberikan kejayaan yang membanggakan dimana pelajar Asasi telah menjadi Johan Hafazan i-talent 2021 yang dianjurkan oleh ACIS Shah Alam. Jelas menunjukkan, hasil pengoptimuman kepakaran dan komitmen yang padu telah diberikan oleh staf akademik Pusat Asasi walaupun dalam cabaran norma baharu. Gambarajah 5.7 memaparkan penganjuran beberapa program di bawah program Plus Tahfiz (sila rujuk Bukti 2, muka surat 1).

SENARAI BUKTI :

1. [5.3_Bukti_1_CFS.pdf](#)

2. [5.3_Bukti_2_CFS.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pusat Asasi amat menitik berat keadaan persekitaran dan sistem kerja yang kondusif bagi melancarkan aktiviti dan program pembangunan pelajar. Pusat Asasi juga komited dalam memastikan aktiviti pembangunan pelajar tetap berjalan dengan efektif dan relevan mengikut kesesuaian norma baharu di mana, beberapa jenis platform maya dikenalpasti dalam penganjuran pelbagai program pembangunan pelajar sejajar dengan inisiatif strategik yang telah dirancang.

Sistem sokongan yang baik dan platform maya yang mesra pengguna dapat meningkatkan produktiviti dan penglibatan staf dan pelajar Pusat Asasi dalam setiap program pembangunan pelajar. Maklum balas berkenaan tahap kepuasan hati warga Pusat Asasi terhadap persekitaran dan sistem kerja telah dijalankan melalui Kajian Indeks Kegembiraan dan laporan adalah seperti dalam Jadual 5.1 (sila rujuk Bukti 1).

Secara keseluruhannya, laporan maklumbalas menunjukkan warga Pusat Asasi gembira dan berpuas hati dengan persekitaran dan sistem kerja dalam norma baharu. Penglibatan staf akademik dan pentadbiran dalam program pembangunan pelajar juga amat baik dan dinamik.

SENARAI BUKTI:

1. [5.4.1 Bukti 1_Jadual 5.1_Happiness Index.pdf](#)

5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Selain daripada pemantauan terhadap program-program yang dijalankan, Pusat Asasi juga memberi perhatian terhadap aspek pengurusan risiko. Pemantapan sistem pengurusan risiko yang sistematik dan berkesan untuk menangani isu-isu sumber manusia yang terlibat adalah amat penting bagi meningkatkan kecemerlangan program pembangunan pelajar. Risiko berkaitan sumber manusia, persekitaran dan sistem kerja dikenalpasti dan pelan tindakannya adakah seperti tertera dalam Rajah 5.6 (sila rujuk Bukti 1).

Penganjuran program pembangunan pelajar mengikut norma baharu semestinya memberi cabaran yang berbeza kepada setiap warga Pusat Asasi. Dalam memastikan setiap perancangan program berjalan dengan lancar, kerjasama antara staf pentadbiran dan akademik amatlah penting. Hebahan kalendar aktiviti Pusat Asasi serta lantikan jawatankuasa penggerak dilakukan dengan lebih awal supaya tahap ketersediaan sumber manusia dapat ditingkatkan secara optimum.

Pemakluman dan peringatan mengenai sasaran kerja tahunan serta KPI staf akademik dan pentadbiran dilakukan secara berkala oleh bahagian pentadbiran kampus. Ini adalah bertujuan untuk mengoptimumkan penggunaan pengurusan sumber manusia dalam menjayakan sesuatu program pembangunan pelajar. Selain daripada itu, konsep perkongsian pengalaman dan sokongan berterusan dalam aktiviti pembangunan pelajar juga diberi perhatian yang sewajarnya. Tindakan pengurusan risiko terhadap hal ini dapat dilihat menerusi kepelbagaian bentuk bengkel inovasi, penyelidikan, penulisan dan hak cipta yang telah dianjurkan bertujuan untuk membantu memberi pendedahan dan bimbingan kepada sumber manusia.

SENARAI BUKTI :

1. [5.4.2 Bukti_1_CFS.pdf](#)

5.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Melalui pengurusan risiko yang terancang, Pusat Asasi seterusnya menggerakkan pelan tindakan yang telah dikenalpasti. Antaranya adalah mewujudkan pusat pengumpulan maklumat berkaitan akademik, hasil penerbitan, starter kit untuk penasihat akademik, rekod pencapaian dan lain-lain dalam laman sesawang khas yang dibangunkan oleh Bahagian Hal Ehwal Akademik. Selain dari itu, Bahagian Hal Ehwal Pelajar juga komited menambahbaik pengurusan pembangunan pelajar melalui sistem khas yang telah dibangunkan bagi memudahkan pengurusan rekod aktiviti pembangunan pelajar sama ada melalui aktiviti kelab kokurikulum ataupun penganjuran program pembangunan pelajar daripada pelbagai unit lain. Dalam keadaan norma baharu, semua platform yang mudah digunakan dan bersesuaian telah dikenalpasti dalam menjayakan program pembangunan pelajar. Program Plus Tahfiz juga telah mengadaptasi keadaan semasa dengan mengadakan sesi Halaqah, Hafazan dan aktiviti lain secara atas talian. Sila rujuk (Bukti 1, muka surat 1).

Penganjuran program pembangunan pelajar mengikut norma baharu semestinya memberi cabaran yang berbeza kepada setiap warga Pusat Asasi. Dalam memastikan setiap perancangan program berjalan dengan lancar, kerjasama antara staf pentadbiran dan akademik amatlah penting. Hebahan kalendar aktiviti Pusat Asasi serta lantikan jawatankuasa penggerak dilakukan dengan lebih awal supaya tahap ketersediaan sumber manusia dapat ditingkatkan secara optimum. Pemakluman dan peringatan mengenai sasaran kerja tahunan serta KPI staf akademik dan pentadbiran dilakukan secara berkala oleh bahagian pentadbiran kampus. Ini adalah bertujuan untuk mengoptimumkan penggunaan pengurusan sumber manusia dalam menjayakan sesuatu program pembangunan pelajar.

Selain daripada itu, konsep perkongsian pengalaman dan sokongan berterusan dalam aktiviti pembangunan pelajar juga diberi perhatian yang sewajarnya. Tindakan pengurusan risiko terhadap hal ini dapat dilihat menerusi kepelbagaian bentuk bengkel inovasi, penyelidikan, penulisan dan hak cipta yang telah dianjurkan bertujuan untuk membantu memberi pendedahan dan bimbingan kepada sumber manusia. Berikut adalah paparan bagi beberapa hasil pelan tindakan yang telah diambil oleh Pusat Asasi. Secara keseluruhannya, warga Pusat Asasi adalah sangat komited, versatile dan fleksibel dalam mencapai kecemerlangan pembangunan pelajar.

SENARAI BUKTI :

1. [5.4.3 Bukti 1_CFS.pdf](#)

5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pusat Asasi telah memfokuskan kecemerlangan aktiviti pembangunan pelajar dengan memastikan keterlibatan warga Pusat Asasi secara optimum melalui inovasi yang terhasil dalam pelan tindakan yang telah dijalankan. Sistem pengurusan aktiviti pembangunan pelajar telah dibangunkan dengan menggunakan Sistem Pendaftaran Kokurikulum (CRS) seperti dalam Gambarajah 5.8 (rujuk Bukti 1, muka surat 1) di mana rekod pendaftaran kelab, pendaftaran aktiviti pembangunan pelajar, rekod kehadiran pelajar, rekod markah kokurikulum dan lain-lain boleh dilakukan secara atas talian.

Hasil penulisan dan penerbitan daripada projek inovasi dan penyelidikan pelajar yang diselia oleh pensyarah Pusat Asasi juga telah dikumpulkan dan di muatnaik di platform laman sesawang yang dinamakan sebagai "One-stop Information Centre" seperti dalam Gambarajah 5.9 (rujuk Bukti 1, muka surat 1). Terdapat banyak lagi pengumpulan data maklumat yang boleh dimanfaatkan oleh warga Pusat Asasi di laman ini.

Seterusnya, dalam usaha mencapai kecemerlangan aktiviti pembangunan pelajar, Pusat Asasi telah mengambil pendekatan dinamik dan bermotivasi dalam transformasi ke arah perkhidmatan yang cemerlang. Usaha berterusan ini dilaksanakan melalui pemantapan pengurusan prestasi, pengiktirafan dan sanjungan serta motivasi bersifat intrinsik juga ekstrinsik (rujuk Bukti 2). Sehubungan dengan itu, prestasi kerja warga Pusat Asasi dapat dilihat melalui penilaian keberhasilan, penetapan sasaran dan akauntabiliti, serta pengiktirafan yang sejajar dengan misi dan visi Pusat Asasi. Penghargaan dan pengiktirafan telah diberikan di pelbagai platform seperti laman sosial rasmi Pusat Asasi (Instagram & Facebook), hebahan melalui email, dan juga media sosial Whatsapp bagi mewar-warkan pengiktirafan dan penghargaan seterusnya memberikan inspirasi dan semangat persaingan sihat kepada warga Pusat Asasi seperti dalam paparan Gambarajah 5.10 (rujuk Bukti 3).

SENARAI BUKTI :

1. [5.5_Bukti_1_CFS.pdf](#)
2. [5.5_Bukti_2_CFS.pdf](#)
3. [5.5_Bukti_3_CFS.pdf](#)

KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI

6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Bagi merealisasikan objektif kualiti UiTM, bahagian dan unit di Pusat Asasi yang terlibat untuk mengendalikan bidang pengurusan dan pembangunan pelajar sentiasa memastikan proses-proses utama yang dikendalikan adalah berkualiti dan selaras dengan perancangan strategik UiTM. BHEA adalah bahagian terpenting bagi menguruskan akademik pelajar manakala BHEP pula merupakan bahagian utama bagi menguruskan hal ehwal pelajar dalam struktur organisasi Pusat Asasi. Bagi melancarkan pengendalian urusan proses-proses utama dan sokongan, setiap proses tersebut harus mematuhi prosedur kerja yang telah ditetapkan. Setiap proses pengurusan dan pembangunan pelajar diketuai oleh individu-individu yang kompeten serta berkaliber tinggi agar setiap proses berjalan dengan lancar.

Pusat Asasi mengamalkan sistem pengurusan kerja bersepadu dan berintegritas untuk memastikan kepuasan pelanggan dan pihak berkepentingan (*stakeholders*). Pusat Asasi menggunakan PDCA dalam aspek pengurusan dan pembangunan pelajar untuk memastikan perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penambahbaikan dibuat secara sistematik ke atas proses-proses pengurusan dan pembangunan pelajar. Pelan perancangan strategik dimanfaatkan oleh Pusat Asasi untuk merancang program-program pemantapan bagi pengurusan dan pembangunan pelajar yang selaras dengan visi dan misi UiTM.

Plan

Sebelum sesuatu program akademik mahupun kokurikulum dijalankan, perancangan awal akan dikendalikan bagi meningkatkan mutu pengurusan dan pembangunan pelajar. Kesemua kertas-kertas cadangan atau pembentangan akan dibincangkan di dalam mesyuarat utama Pusat Asasi. Kelulusan program akan ditentukan di dalam mesyuarat yang sama, contohnya seperti *International ASID Innovation & Creativity Day (AICD)*, *CREATIONS de UiTM (CDU)*, *Conference on Research and Practices in Science, Technology and Social Sciences (I-CReST)* dan *Pertandingan Inovasi Inter-Asasi Matrikulasi (PIITRAM)*. Selain itu, BHEP pula memainkan peranan utama dalam membuat persediaan kelab dan persatuan di Pusat Asasi bagi setiap semester. Kelab dan persatuan yang ditubuhkan hendaklah mencukupi dan mampu memberi faedah kepada semua pelajar di Pusat Asasi. Akademi Pengajian Islam dan Kontemporari, Pusat Asasi juga menawarkan Program Plus Tahfiz. Program Plus Tahfiz dilihat mampu untuk membantu para huffaz untuk menyambung pengajian akademik di peringkat yang lebih tinggi dan pada masa yang sama, mempertahankan budaya Al-Quran.

Do

Bagi langkah seterusnya, kertas cadangan diserahkan kepada Pengarah Pusat Asasi untuk program penyelidikan dan inovasi. Ahli jawatankuasa memulakan tugas masing-masing serta menyebarkan maklumat program. Dari segi kelab, para penasihat kelab menyemak senarai ahli kelab dan mengadakan perjumpaan untuk perancangan sepanjang semester. Bahagian Kemasukan pelajar dan Unit Plus Tahfiz mengenalpasti pelajar yang berminat dan pelajar telah menghantar borang-borang berkaitan.

Check

Pemantauan diadakan secara berterusan untuk mengukur tahap penglibatan dan pencapaian pelajar. Perjumpaan diadakan untuk membincangkan perkembangan semasa dan ketua kumpulan untuk penyelidikan dan inovasi yang terdiri daripada pelajar, berurusan dengan kumpulan masing-masing dan melaporkan perkembangan kepada pensyarah. Para penasihat kelab, berhubung secara atas talian untuk memantau perkembangan ahli kelab masing-masing dan bagi Program Plus Tahfiz, pendedahan kepada pelbagai aktiviti yang dijalankan diadakan secara atas talian serta mengadakan perjumpaan bulanan bersama pelajar untuk pemantauan prestasi.

ACT

Para pelajar telah mendapat pengalaman dalam pameran produk inovasi dan pendedahan untuk menjalankan dan membentangkan hasil penyelidikan di persidangan. Para pelajar kelab, mendapat pendedahan dan bimbingan oleh para penasihat serta peluang penyertaan dalam pertandingan. Para pelajar Plus Tahfiz pula, mendapat bimbingan guru tasmii' yang bertauliah bagi pemantauan hafazan Al-Quran dan peluang penyertaan dalam pertandingan hafazan.

6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Penglibatan pelajar dalam Penyelidikan dan Inovasi

Para pensyarah dan kakitangan di Pusat Asasi menggunakan pelbagai pendekatan untuk mencapai dan memberi maklumat mengenai penyelidikan dan inovasi kepada pelajar asasi. Antaranya ialah pendedahan oleh pensyarah kepada para pelajar sewaktu kelas. Pensyarah akan menerangkan objektif program-program ini kepada pelajar, seterusnya menggalakkan mereka untuk sertai program-program ini. Antara program penyelidikan dan inovasi adalah AICD, CDU, I-CREST dan PIITRAM (sila rujuk Bukti 1 dan Bukti 2). Penglibatan pelajar dalam penyelidikan dan inovasi amat digalakkan oleh Pusat Asasi. Para pensyarah juga menekankan kebaikan menyertai dalam program-program sebegini kerana ia boleh mengiktiraf sumbangan dan bakat pelajar, mendorong pelajar meneroka kreativiti dan kemahiran berfikir secara kritis dan inovatif. Selain itu, penyebaran maklumat mengenai program-program ini disiarkan melalui laman-laman sosial Pusat Asasi; *Facebook*, *Instagram* dan lain-lain. Poster-poster program juga disediakan untuk menyebarkan maklumat penting mengenai program-program ini. Pusat Asasi sentiasa peka terhadap kepentingan kolaborasi antara para pelajar dan pusat pengajian. Oleh itu, Pusat Asasi telah bekerjasama dengan beberapa institusi untuk menjayakan program penyelidikan dan inovasi. Antaranya adalah Pusat Asasi Sains dan Perubatan, Universiti Zainal Abidin, Pusat Asasi STEM UMT dan lain-lain.

Penglibatan pelajar dalam Kelab Kokurikulum

Teras utama penglibatan pelajar Pusat Asasi dalam kelab-kelab kokurikulum yang ditubuhkan adalah untuk melahirkan pelajar yang berkebolehan dari pelbagai aspek dan tidak terhad kepada pencapaian akademik semata-mata. Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) adalah pihak yang bertanggungjawab untuk menyelaraskan penubuhan kelab dan persatuan di Pusat Asasi. Para pelajar asasi dimestikan untuk mencapai nilai merit kokurikulum sebanyak 10% bagi permohonan UPU mereka. Justeru itu, BHEP dengan kerjasama Unit Infostruktur akan mengadakan sesi taklimat mengenai pendaftaran kelab kokurikulum dan taklimat penggunaan sistem pendaftaran kokurikulum kepada para pelajar ketika minggu pendaftaran pelajar atau dikenali sebagai Minggu Destini Siswa (sila rujuk Bukti 3). Selain itu, bagi memudahkan urusan pelajar, Pusat Asasi telah menyediakan satu sistem kokurikulum iaitu CRS. Segala aktiviti, penglibatan dan markah pelajar akan direkodkan di dalam CRS. Melalui sistem ini, pelajar boleh membuat semakan markah aktiviti kokurikulum melalui pautan <https://asid.uitm.edu.my/student>, manakala kakitangan Pusat Asasi boleh menyemak aktiviti kokurikulum yang telah dilaksanakan melalui pautan <https://asid.uitm.edu.my/crs>. Proses kemasukan markah kokurikulum bagi aktiviti perjumpaan kelab dilaksanakan oleh penasihat kelab sendiri. Manakala bagi aktiviti dengan penyertaan terbuka dan dianjurkan oleh bahagian atau kelab lain pula bergantung kepada jumlah penyertaan.

Penglibatan pelajar dalam Program Plus Tahfiz UiTM

Selain mendedahkan para pelajar kepada penyelidikan, inovasi dan kokurikulum, Pusat Asasi juga menyahut seruan Akademi Pengajian Islam kontemporari UiTM dengan menawarkan Program Plus Tahfiz UiTM di peringkat asasi. Semua pelajar yang memilih untuk mendaftar ke Program Plus Tahfiz UiTM akan mendapat bimbingan dan pemantauan yang berterusan daripada guru tasmik yang kompeten dalam bidang hafazan sepanjang tempoh program (sila rujuk Bukti 4). Pelajar lulusan tahfiz yang berjaya mendaftar sebagai pelajar di Pusat Asasi boleh memohon untuk mengikuti program ini dan pelajar yang berminat akan diminta untuk mengisi borang maklumat diri (sila rujuk Bukti 5). Syarat kelayakan bagi menyertai program ini adalah pelajar telah menghafaz sekurang-kurangnya 15 juzuk Al-Quran (Juzuk 1 – 15) bagi program berkredit manakala bagi kedua-dua program berkredit dan tidak berkredit, para pelajar hendaklah mempunyai kesungguhan yang tinggi dan dapat memberikan komitmen yang terbaik dalam menyertai setiap aktiviti yang dijalankan.

SENARAI BUKTI:

1. [BUKTI 1- POSTER I-CReST 2021.pdf](#)
2. [BUKTI 2- POSTER CDU.pdf](#)
3. [BUKTI 3- Taklimat Penggunaan Sistem Pendaftaran Kokurikulum.pdf](#)
4. [BUKTI 4- Brochure Plus Tahfiz.pdf](#)
5. [BUKTI 5- Borang Maklumat Pelajar Plus Tahfiz.pdf](#)

6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Penglibatan pelajar dalam Penyelidikan dan Inovasi

Plan

Jawatankuasa Pengurusan Inovasi, Pengkomersialan dan Jaringan Industri dan Jawatankuasa Pengurusan Penyelidikan dan Perundingan Pusat Asasi telah bekerja keras untuk menjayakan program-program ini. Jawatankuasa telah membuat perancangan awal dan bermesyuarat dengan Ahli Jawatankuasa masing-masing untuk tindakan selanjutnya (sila rujuk Bukti 1 dan Bukti 2).

Do

Kertas cadangan diserahkan kepada Pusat Asasi untuk kelulusan. Setelah mendapat kelulusan, AJK unit memulakan tugas masing-masing untuk penyebaran maklumat program. Pelajar-pelajar digalakkan untuk menyertai dalam program melalui pensyarah dan pensyarah menjadi mentor kepada penyelidikan/inovasi yang disertai oleh para pelajar.

Check

Pensyarah membuat perjumpaan untuk membincang hal-hal berkaitan penyertaan penyelidikan dan inovasi pelajar. Seorang pelajar daripada setiap kumpulan dilantik sebagai ketua kumpulan dan para pensyarah membimbing pelajar dari segi penyertaan, penulisan, pemikiran kreatif, pembentangan dan lain-lain.

Action

Para pelajar diberi peluang untuk menyertai program-program yang dianjurkan untuk mencungkil bakat dalam penyelidikan dan inovasi. Para pelajar mempamerkan produk inovasi yang dihasilkan setelah didorong untuk meneroka kreativiti dan kemahiran berfikir secara kritis dan inovatif. Selain itu, mereka mendapat pendedahan untuk menjalankan dan membentangkan hasil penyelidikan di persidangan.

Penglibatan pelajar dalam Kelab Kokurikulum

Plan

Pusat Asasi menyediakan pelbagai kelab dan persatuan yang boleh disertai oleh pelajar. Para pelajar akan diminta untuk memilih kelab atau persatuan yang menarik perhatian mereka seperti yang telah disenaraikan. Penerimaan pelajar bagi sesebuah kelab atau persatuan bergantung kepada kapasiti maksimum iaitu seramai 50 orang pelajar sahaja.

Do

Antara contoh kelab yang dianjurkan ialah Kelab Debat. Penasihat kelab akan menyemak senarai ahli di sistem CRS (sila rujuk Bukti 3). Penasihat kelab akan mengadakan perjumpaan,

merancang dan mengadakan aktiviti berkaitan debat bersama ahli sepanjang dua semester.

Check

Berikutan pandemik COVID-19, penasihat kelab akan berkomunikasi bersama ahli menerusi aplikasi atas talian untuk memantau perkembangan dan mengasah bakat berdebat ahli. Manakala aktiviti-aktiviti yang dijalankan hendaklah dilaksanakan secara atas talian atau pertemuan bersemuka dengan mematuhi SOP.

Action

Ahli kelab debat akan diberikan pendedahan dan bimbingan oleh penasihat yang berkaliber mengenai debat. Para ahli juga akan diberikan peluang untuk menyertai pertandingan debat yang dianjurkan oleh institusi-institusi luar (sila rujuk Bukti 4). Mereka akan diberikan pendedahan secara langsung tentang debat dan menimba pengalaman yang berharga.

Penglibatan pelajar dalam Program Plus Tahfiz UiTM

Plan

Program Plus Tahfiz merupakan program anjuran Akademi Pengajian Islam Kontemporari UiTM. Program ini memberi peluang kepada pelajar lulusan tahfiz untuk melanjutkan pengajian akademik serta pada masa yang sama, melestarikan budaya Al-Quran.

Do

Bahagian Kemasukan Pelajar dan Unit Plus Tahfiz akan mengenalpasti pelajar yang berminat untuk menyertai program ini dan memaklumkan kepada Pusat Asasi. Pelajar yang diterima perlu menghantar borang maklumat diri dan juga dokumen-dokumen yang berkaitan.

Check

Pelajar Plus Tahfiz akan didedahkan dengan pelbagai program dan aktiviti pementapan Al-Quran sepanjang tempoh pengajian. Berikutan pandemik COVID-19, kelas pengajian dikendalikan secara atas talian. Unit Plus Tahfiz Pusat Asasi juga mengadakan pertemuan bulanan bersama pelajar untuk memantau prestasi pelajar.

Action

Para pelajar akan dibimbing oleh guru tasmi' yang bertauliah bagi memantapkan hafazan Al-Quran. Selain itu, para pelajar juga diberikan peluang untuk menyertai pelbagai pertandingan hafazan dan tilawah di peringkat Pusat Asasi dan luar. Mereka juga diberikan pendedahan dan menimba ilmu melalui program-program ilmiah dan insaniah yang dianjurkan (sila rujuk Bukti 5).

SENARAI BUKTI :

1. [BUKTI 1- SENARAI AHLI JAWATANKUASA I-CReST 2021.pdf](#)
2. [BUKTI 2- SKOP KERJA AICD2021.pdf](#)
3. [BUKTI 3- Paparan Sistem CRS.pdf](#)

4. [BUKTI 4- Gambar Aktiviti Kelab Debat.pdf](#)
5. [BUKTI 5- Gambar Aktiviti Program Plus Tahfiz.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Penglibatan pelajar dalam Penyelidikan dan Inovasi

Para pelajar telah dijangkakan untuk memberi sumbangan mereka dari pelbagai aspek untuk penyelidikan dan inovasi (sila rujuk Bukti 1, Bukti 2 dan Bukti 3). Dari segi inovasi, sumbangan mereka untuk menghasilkan produk inovasi adalah penting kerana ia mempunyai potensi untuk dikomersialkan dan seterusnya mengiktiraf produk tersebut ke peringkat yang lebih tinggi. Ia juga secara langsungnya menambahkan jumlah copyright Pusat Asasi. Dari segi penyelidikan pula, ia telah memberi peluang bagi para pelajar untuk mengetengahkan hasil penyelidikan dalam bentuk penulisan dan penerbitan. Tambahan pula, mereka diberi peluang untuk membentangkan hasil kerja mereka di persidangan, dengan kerjasama berpasukan bersama para pensyarah, pelajar-pelajar dapat pendedahan kepada ilmu yang tidak boleh diperolehi dalam pembelajaran bilik kuliah.

Penglibatan pelajar dalam Kelab Kokurikulum

Penglibatan pelajar dalam kelab dan persatuan di Pusat Asasi akan dipantau dengan lebih sistematik melalui CRS. Para pelajar dapat menyemak markah kokurikulum mereka secara atas talian dan berusaha untuk mencapai 10% merit kokurikulum sepanjang tempoh dua semester. Menerusi Kelab Debat, para pelajar dapat mempelajari format debat yang betul dan dibimbing oleh penasihat kelab yang berkaliber tinggi untuk menggilap bakat dan potensi debat mereka. Ini dapat membantu pelajar untuk meningkatkan keupayaan komunikasi, keyakinan diri dan berfikir kritikal. Selain itu, pertandingan-pertandingan yang disertai mempersiapkan dan membolehkan para pelajar untuk memberi sumbangan dalam membuat keputusan awam dan memberi kesedaran mengenai isu-isu semasa dan global. Penglibatan pelajar dalam kelab debat mampu melahirkan pelajar yang bukan sahaja cemerlang di dalam bidang akademik, malahan juga bersifat holistik (sila rujuk Bukti 4).

Penglibatan pelajar dalam Program Plus Tahfiz UiTM

Program Plus Tahfiz di Pusat Asasi mampu menjadi titik tolak untuk melahirkan graduan yang cemerlang di dalam bidang akademik serta mempunyai watak Al-Quran. Para pelajar Program Plus Tahfiz mendapat peluang untuk melanjutkan pengajian akademik dalam pelbagai bidang profesional di Pusat Asasi dan berguru dengan tasmi' yang bertauliah bagi mengulang dan memantapkan hafazan Al-Quran mereka secara berterusan (sila rujuk Bukti 5). Pemantapan hafazan di kalangan pelajar juga dapat diasah melalui pertandingan-pertandingan hafazan yang mereka sertai. Bagi pelajar baru yang berminat dengan hafazan Al-Quran, program ini menjadi satu platform bagi mereka untuk belajar menghafaz Al-Quran. Akhir sekali, menerusi program ini, para pelajar dapat mempertahankan dan mempertingkatkan budaya Al-Quran semasa tempoh pengajian mereka di Pusat Asasi.

SENARAI BUKTI:

1. [BUKTI 1 -SENARAI PELAJAR ICREST.pdf](#)
2. [BUKTI 2 -SENARAI PESERTA INNOVATION CDU2020.pdf](#)
3. [BUKTI 3 -SENARAI PESERTA ARDUINO & KSTI SHOWCASE CDU2020 \(1\).pdf](#)
4. [BUKTI 4- Maklum Balas Pelajar bagi Kelab Debat.pdf](#)
5. [BUKTI 5- Rekod Sesi Halaqah Bersama Tasmi'.pdf](#)

6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Penglibatan pelajar dalam Penyelidikan dan Inovasi

Risiko kepada para pelajar adalah pengurusan masa. Para pelajar Asasi mempunyai banyak kegiatan ataupun aktiviti luar bilik kuliah setiap hari. Risiko bagi pelajar-pelajar adalah kekangan masa kerana mereka perlu bijak dalam membahagikan masa untuk melengkapkan kerja-kerja atau tugas-tugas yang diberikan oleh pensyarah dan mereka juga perlu menyiapkan kerja-kerja selain yang diberikan di kelas seperti penyelidikan dan inovasi. Penyediaan untuk program-program penyelidikan dan inovasi mengambil masa kerana mereka perlu membuat perjumpaan bersama ahli kumpulan secara kerap untuk menjayakan projek mereka (sila rujuk Bukti 1, Bukti 2 dan Bukti 3). Mereka juga perlu mengambil masa untuk reka produk inovasi masing-masing. Dari segi penyelidikan mereka perlu meluangkan masa untuk pengumpulan data, membaca artikel-artikel berkenaan dan penulisan ilmiah untuk menghantar ke jurnal-jurnal.

Penglibatan pelajar dalam Kelab Kokurikulum

Risiko yang dihadapi dengan penggunaan CRS sebagai aplikasi rasmi bagi pengendalian kokurikulum di Pusat Asasi ialah apabila berlakunya gangguan server. Apabila gangguan seperti ini berlaku, para pelajar serta penasihat kelab tidak dapat mengakses CRS buat sementara waktu. Terdapat juga segelintir penasihat kelab yang tidak mahir untuk menggunakan sistem CRS. Disamping itu, ada ketika penglibatan para pelajar di dalam aktiviti, program atau pertandingan yang dianjurkan oleh institusi luar berlangsung pada hari bekerja dan menyebabkan mereka tidak dapat menghadiri kuliah seperti yang telah dijadualkan. Seperti Kelab Debat, pelajar yang terpilih untuk menyertai pertandingan perlu menjalani latihan debat terlebih dahulu (sila rujuk Bukti 4). Mereka juga perlu meluangkan masa untuk mencari bahan bacaan, membuat penyelidikan dan membaca tentang isu semasa untuk mempersiapkan diri bagi tujuan pertandingan debat.

Penglibatan pelajar dalam Program Plus Tahfiz UiTM

Program Plus Tahfiz merupakan program baru yang ditawarkan oleh UiTM. Oleh itu, tidak semua pelajar yang memohon ke UiTM mengetahui tentang kewujudan program ini. Bagi pelajar Plus Tahfiz pula, risiko yang dihadapi ialah jadual akademik mereka yang padat. Pelajar yang memilih untuk mengikuti program berkredit akan mempunyai dua subjek tambahan (CTU061 dan CTU 062) berbanding dengan rakan-rakan yang lain. Mereka juga mempunyai kelas hafazan harian pada sesi pagi (sebelum kuliah akademik) atau sesi malam (selepas kuliah akademik) (sila rujuk Bukti 5). Selain dari itu, mereka juga perlu turut serta dalam program-program yang dianjurkan oleh Plus Tahfiz, kelab dan PAPS.

SENARAI BUKTI :

1. [BUKTI 1- Persiapan dan perjumpaan untuk penyelidikan.pdf](#)
2. [BUKTI 2- Persiapan dan perjumpaan untuk inovasi.pdf](#)
3. [BUKTI 3- Persiapan dan perjumpaan untuk inovasi 2.pdf](#)
4. [BUKTI 4- Persiapan Sebelum Pertandingan Debat.pdf](#)
5. [BUKTI 5- Aktiviti Tasmik Harian.pdf](#)

6.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Penglibatan pelajar dalam Penyelidikan dan Inovasi

Cabaran dan risiko utama yang dihadapi oleh pelajar adalah pengurusan masa. Para pelajar terpaksa mengorbankan masa untuk sesi kuliah, tugas kuliah dan penglibatan dalam aktiviti-aktiviti penyelidikan dan inovasi (sila rujuk Bukti 1 dan Bukti 2). Oleh itu, pensyarah yang menjadi mentor untuk kumpulan penyelidikan dan inovasi masing-masing memberikan motivasi kepada pelajar supaya para pelajar sentiasa berfikiran positif dan mengetahui kepentingan penglibatan dalam program-program sebegini. Motivasi daripada para pensyarah sebagai mentor adalah amat penting kerana ia telah memberikan impak yang positif kepada para pelajar yang terlibat. Ia dapat dibuktikan dengan kejayaan para pelajar yang berjaya menghasilkan inovasi dan penyelidikan dan seterusnya mempunyai penerbitan dalam buku abstrak dan buku prosiding program-program tersebut.

Penglibatan pelajar dalam Kelab Kokurikulum

Bagi mengatasi gangguan server CRS, Unit Infostruktur Pusat Asasi mengambil inisiatif untuk sentiasa mengemaskini dan menambahbaik sistem. BHEP dengan kerjasama Unit Infostruktur juga mengadakan sesi taklimat penggunaan CRS yang telah ditambahbaik kepada semua warga Pusat Asasi (sila rujuk Bukti 3). Bagi pelajar yang mempunyai kekangan masa untuk persiapan dan menghadiri pertandingan debat, mereka boleh memohon dan akan diberikan kebenaran pengecualian kuliah oleh Pusat Asasi. Namun, pelajar yang terlibat hendaklah mempelajari semula kuliah yang ditinggalkan dengan mengadakan sesi konsultasi bersama pensyarah, bertanyakan rakan atau menonton semula video rakaman sesi perkuliahan (sila rujuk Bukti 4). Latihan debat pula akan diadakan setelah tamat sesi perkuliahan contohnya pada waktu petang, malam atau hujung minggu.

Penglibatan pelajar dalam Program Plus Tahfiz UiTM

Untuk mewar-warkan dengan lebih meluas Program Plus Tahfiz, UiTM telah mengambil inisiatif untuk membuat penghebahan umum bagi program ini di dalam Ekspo Selangkah ke UiTM sebelum calon pelajar lepasan SPM mengisi permohonan kemasukan UPU. Pusat Asasi juga mengambil langkah yang sama dengan mempromosikan Program Plus Tahfiz di *Grand Open Day* serta mengadakan sesi taklimat khas semasa Minggu Destini Siswa. Manakala untuk mengatasi isu kepadatan jadual akademik pelajar Plus Tahfiz, Jawatankuasa Jadual Waktu Pusat Asasi akan memastikan terdapat slot kosong dan selang waktu kuliah di dalam jadual mereka bagi waktu rehat, solat dan makan tengahari. Jawatankuasa Plus Tahfiz Pusat Asasi juga mengambil inisiatif dengan mengadakan pertemuan secara bulanan untuk membincangkan isu yang dihadapi oleh pelajar dan mewujudkan *WhatsApp group* bagi memudahkan penyaluran maklumat kepada pelajar (sila rujuk Bukti 5).

SENARAI BUKTI :

1. [BUKTI 1- BORANG MAKLUMBALAS AICD.pdf](#)
2. [BUKTI 2- BORANG MAKLUMBALAS CDU.pdf](#)
3. [BUKTI 3- Taklimat Penggunaan Sistem Pendaftaran Kokurikulum.pdf](#)
4. [BUKTI 4- Rakaman Sesi Perkuliahan.pdf](#)
5. [BUKTI 5- Pertemuan Bulanan 2019 Plus Tahfiz.pdf](#)

6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Penglibatan pelajar dalam Penyelidikan dan Inovasi

Penambahbaikan berterusan adalah penting untuk menjayakan sesuatu program pada masa akan datang. Dari segi penglibatan pelajar dalam inovasi dan penyelidikan, perluasan secara terperinci dilakukan. Para pelajar digalakkan menyertai aktiviti-aktiviti sebegini dengan menghantar lebih banyak wakil atau kumpulan daripada setiap kelas. Ini memberikan kesan yang sangat positif kerana peningkatan dalam penglibatan pelajar adalah penting. Di samping itu, dalam situasi pandemik yang sedang melanda secara global ini telah memberikan cabaran yang amat besar kepada para pelajar untuk melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti sebegini, namun mereka telah berjaya mengambil bahagian dalam program-program ini secara maya dan ini adalah integrasi yang amat cemerlang untuk warga Asasi – pensyarah dan pelajar (sila rujuk Bukti 1, Bukti 2 dan Bukti 3).

Penglibatan pelajar dalam Kelab Kokurikulum

Sistem kokurikulum yang dahulunya hanya menggunakan kupon serta kad kokurikulum telah diinovasikan dan dinaiktaraf kepada penggunaan CRS secara rasmi bagi peringkat Pusat Asasi. Bagi Kelab Debat pula, penasihat kelab akan memastikan ahli kelab sentiasa mendapat latihan debat dari jurulatih yang bertauliah serta berpengalaman dan berperanan untuk menggilap bakat pelapis-pelapis debat. Kelab Debat juga sentiasa aktif dalam mencari peluang untuk menyertai pertandingan debat yang berprestij untuk memastikan ahli kelab dapat menimba pengalaman dan pendedahan secara menyeluruh dan berterusan untuk melahirkan graduan yang bukan sahaja cemerlang di dalam bidang akademik, tetapi juga dari aspek kemahiran yang lain (sila rujuk Bukti 4). Pandemik serta perjumpaan secara atas talian tidak menjadi batu penghalang untuk Kelab Debat sentiasa aktif, memenangi pertandingan dan menggondol pelbagai anugerah.

Penglibatan pelajar dalam Program Plus Tahfiz UiTM

Program Plus Tahfiz kini telah mewujudkan dua kursus spesifik bagi program berkredit dan nilai kredit akan dicatat dalam Transkrip Asasi pelajar. Kesemua pelajar Program Plus Tahfiz (Berkredit dan Tidak Berkredit) akan dianugerahkan sijil penyertaan Plus Tahfiz. Pihak pengurusan Plus Tahfiz Pusat Asasi sentiasa memastikan para pelajar mendapat bimbingan dari guru tasmik yang bertauliah dan berkaliber tinggi untuk memastikan pelajar dapat mempertingkatkan dan melestarikan budaya Al-Quran disamping pengajian akademik mereka. Pelajar dari program ini juga tidak ketinggalan untuk mengelola serta menyertai pelbagai program dan pertandingan di dalam dan luar institusi (sila rujuk Bukti 5). Mereka bukan sahaja memenangi pelbagai anugerah tilawah dan hafazan Al-Quran, malahan juga diapresiasi di Majlis Anugerah Kecemerlangan Akademik (MAKA).

SENARAI BUKTI :

1. [BUKTI 1- LAPORAN PIITRAM 2021.pdf](#)
2. [BUKTI 2- LAPORAN AICD 2019.pdf](#)
3. [BUKTI 3- VIDEO PENYERTAAN AICD 2021.pdf](#)
4. [BUKTI 4- Antara Pencapaian Kelab Debat \(2019-2021\).pdf](#)
5. [BUKTI 5- Antara Pencapaian Pelajar Plus Tahfiz.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.1 HASIL UTAMA 1

PROGRAM PLUS TAHFIZ

7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Program Plus Tahfiz yang dibangunkan oleh Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) UiTM disambut baik oleh pengurusan tertinggi Pusat Asasi UiTM sejajar dengan falsafah UiTM, untuk menghasilkan graduan profesional yang berupaya mengembangkan ilmu dan membangunkan diri, masyarakat dan negara. Usaha ini juga seiring dengan hala tuju Pusat Asasi yang ingin menghasilkan “ *Graduan Berilmu, Holistik, Berkemahiran, Minda Keusahawanan Mampu berjaya di peringkat pengajian Ijazah Sarjana Muda*”.

Pelajar Plus Tahfiz Pusat Asasi terdiri daripada pelajar-pelajar daripada 4 program asasi UiTM, iaitu Asasi Kejuruteraan, Asasi Sains, Asasi TESL dan Asasi Undang-undang. Ini adalah salah satu amalan terbaik Pusat Asasi kerana pelajar-pelajar lepasan sekolah tahfiz dari seluruh Malaysia dapat berkumpul dan meneruskan pengajian mereka dan melahirkan generasi Huffaz cemerlang dan terbilang. Lebih membanggakan, Pusat Asasi UiTM adalah satu-satunya pusat pengajian di peringkat pra-ijazah yang menawarkan program seperti ini di Malaysia.

Syarat kemasukan pelajar ke Program Plus Tahfiz adalah seperti berikut:

1. Telah ditawarkan ke Program di Pusat Asasi, UiTM, Kampus Dengkil, Selangor
2. Telah menghafaz al-Quran sekurang-kurangnya 15 juzu’.

Berikut adalah 2 kod kursus program Plus Tahfiz:

Semester 1: PENGHANTAR AL-QURAN (CTU061)

Semester 2: AL-QURAN DAN KEMANUSIAAN (CTU062)

Pelajar Plus Tahfiz akan mengadakan kelas hafazan individu pada sesi pagi sebelum kelas bermula dan akan menghadiri kelas hafazan ulangan pada waktu petang selepas waktu kelas berakhir.

Oleh yang demikian, Pusat Asasi UiTM telah menyediakan pelbagai kemudahan untuk pelajar-pelajar lepasan sekolah tahfiz meneruskan pengajian mereka seiring dengan keperluan akademik di peringkat asasi. Kemudahan yang diberikan kepada pelajar adalah seperti yang berikut:

1. Tenaga Pengajar yang Professional.
2. Jadual Waktu yang anjal untuk memberi ruang kod kursus Plus Tahfiz dijalankan.
3. Penempatan kolej bersama pelajar Plus Tahfiz yang lain.
4. Penggunaan Pusat Islam Kampus Dengkil sebagai lokasi utama aktiviti Plus Tahfiz.

Lokasi Pusat Asasi UiTM yang berhampiran dengan Putrajaya adalah amat strategik untuk pelajar-pelajar Plus Tahfiz melibatkan diri dengan aktiviti luar kampus seperti Karnival Rahmah di Putrajaya dan Program Lailatul Quran, Darul Quran anjuran JAKIM. Pelajar-pelajar Plus Tahfiz juga menganjurkan aktiviti kemasyarakatan di sekitar daerah Sepang. Antaranya adalah program khidmat komuniti di Maahad Tahfiz Miftahul Ulum dan Maahad Tahfiz Banat, Sepang, Selangor.

Lepasan pelajar Plus Tahfiz akan diberikan sijil selepas tamat pengajian mereka di Pusat Asasi.

7.1.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [7.1.2 pusat asasi tahap.pdf](#)

7.1.3 TREN (Trend)

BUKTI : [7.1.3 pusat asasi tren.pdf](#)

7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [7.1.4 pusat asasi tanda aras.pdf](#)

7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [7.1.5 pusat asasi impak.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.2 HASIL UTAMA 2

KELAB DAN AKTIVITI PELAJAR : Pencapaian Hasil Utama 2 dapat diukur melalui peningkatan jumlah penganjuran dan pencapaian tahap aktiviti, oleh itu BHEP telah menubuhkan kelab-kelab kokurikulum untuk melaksanakan aktiviti dan program pelajar. Keberkesanan dan kecemerlangan sesuatu aktiviti di Pusat Asasi adalah bergantung kepada pengurusan sumber manusia yang efisien serta komitmennya.

7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Penganjuran aktiviti dan program pembangunan pelajar yang merangkumi pelbagai bidang iaitu akademik/ilmiah, inovasi, keusahawanan, sukan & rekreasi, kebudayaan dan kesukarelawanan di Pusat Asasi amat dititik berat oleh pengurusannya. Setiap aktiviti yang dianjurkan akan mengambilkira kecenderungan minat pelajar. BHEP adalah bertanggungjawab memantau pengurusan dan perjalanan aktiviti setiap kelab dengan melantik penasihat yang sentiasa memberi kerjasama dan cemerlang. Aktiviti pelajar diperingkat kolej yang diterajui oleh kepimpinan kolej juga turut dianjurkan. Pusat Asasi amat bangga dengan komitmen dan penglibatan semua pelajarnya dalam menyertai aktiviti yang dianjurkan.

Seiring dengan itu, pelbagai usaha telah dijayakan dalam memastikan pembangunan pelajar di Pusat Asasi terus cemerlang bukan sahaja dalam bidang akademik malah juga cemerlang dalam pembangunan insaniah melalui aktiviti kokurikulum dan pematuhan sahsiah diri. Pembentukan jati diri pelajar yang holistik serta berdaya saing adalah lambang kecemerlangan dan ketampakan positif Pusat Asasi dalam masyarakat luar. Persekitaran serta ruang kerja yang kondusif diwujudkan agar setiap warga kakitangan Pusat Asasi sentiasa bersemangat dan produktif. Penyesuaian dalam norma baharu juga telah berjaya diadaptasi dalam pelbagai program pembangunan pelajar. Pemantauan dari semasa ke semasa serta pengurusan risiko yang cekap telah dijalankan dalam memastikan inisiatif strategik berjaya dicapai.

Pusat Asasi telah mengambil pendekatan dinamik dan bermotivasi dalam transformasi ke arah perkhidmatan yang cemerlang serta mencapai kecemerlangan aktiviti pembangunan pelajar. Usaha berterusan ini dilaksanakan melalui pemantapan pengurusan prestasi, pengiktirafan dan sanjungan serta motivasi bersifat intrinsik juga ekstrinsik.

7.2.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [7.2.2 PUSAT ASASI TAHAP.pdf](#)

7.2.3 TREN (Trend)

BUKTI : [7.2.3 PUSAT ASASI TREN.pdf](#)

7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [7.2.4 PUSAT ASASI PERBANDINGAN.pdf](#)

7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [7.2.5 PUSAT ASASI KEPENTINGAN.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.3 HASIL UTAMA 3

PENYELIDIKAN DAN INOVASI PELAJAR

7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Terdapat 4 program utama yang telah dijalankan bagi mencapai sasaran supaya pelajar dapat melibatkan diri dalam bidang penyelidikan dan inovasi iaitu, AICD, CdU, ICRest dan PIITRAM seperti yang ditunjukkan di rajah di bawah. Penglibatan pelajar di dalam bidang ini adalah amat perlu kerana pelajar dapat mengaplikasikan pengetahuan yang di diterapkan semasa di peringkat ijazah dan seterusnya di alam pekerjaan nanti.

Beberapa jawatankuasa turut di tubuhkan bagi memantau dan menggalakkan penglibatan pelajar di dalam penyelidikan dan inovasi iaitu Jawatankuasa Inovasi, Pengkomersialan & Jaringan Industri dan Jawatankuasa Penyelidikan & Perundingan. Secara keseluruhannya terdapat 4 program utama yang telah di jalankan bagi memastikan pelajar dapat melibatkan diri di dalam bidang penyelidikan dan inovasi.

ASiD Innovation and Creativity (AICD)

AICD memfokuskan kepada produk-produk yang dihasilkan oleh para pelajar Pusat Asasi dari semua program dan dibahagikan kepada dua (2) kategori iaitu Sains dan Teknologi (S&T) serta Sains Sosial (SS) pada tahun 2019 dan 2021. Penyertaan pelajar adalah secara berkumpulan dengan bilangan ahli sebanyak 5 orang termasuk penasihat. Program ini akan dijalankan buat pertama kali secara maya (virtual) di mana para peserta memuat naik butiran produk dan video masing-masing ke laman media sosial.

Creations de UiTM : Mega Innovation Carnival (CdU)

Cdu merupakan satu program besar-besaran yang telah dijalankan pada tahun 2020 yang bertumpu kepada produk dan idea inovasi yang telah dihasilkan dari pelajar dan staf asasi dan turut disertai oleh pihak luar. Program ini telah dibahagikan kepada 4 kategori pertandingan iaitu Pertandingan Inovasi, Pameran Inovasi, Pertandingan STEM dan juga Product Pitching. Secara keseluruhannya pihak asasi telah menghantar 48 kumpulan pelajar bagi menyertai program ini.

International Conference on Research and Practices in Science, Technology and Social Sciences (ICReST).

ICReST merupakan satu persidangan akademik peringkat antarabangsa yang dijalankan pada tahun 2020 dan 2021. Melalui program ICReST ia memperlihatkan hasil penyelidikan setiap peserta dan menyediakan peluang kepada para penyelidik untuk berkongsi hasil penyelidikan melalui pembentangan yang dilakukan disamping mewujudkan kolaborasi antara para peserta. I-CReST 2020 telah mendapat penyertaan seramai 99 peserta, di mana 7 penyertaan adalah pembentang dari luar negara seperti Nigeria, Indonesia, Vietnam, Brunei dan Pakistan. Seramai 82 orang peserta telah melakukan pembentangan yang berlangsung secara atas talian menggunakan platform Google Meet, di mana video pembentang berdurasi 10 minit dimainkan. Penganjuran I-CReST 2021 pada 26 Jun 2021 yang bertemakan 'Embracing Research Culture and Fostering Academic Excellence' telah berjaya mengumpul sebanyak 160 penyertaan daripada dalam dan luar negara seperti dari negara Brunei, Indonesia, Morocco dan Mesir. I-CReST 2021 disertai oleh ahli akademik, pelajar pascasiswazah, ahli profesional dan industri bagi membentangkan hasil penyelidikan dan melebarkan perkongsian ilmu dalam bidang berkaitan Sains, Teknologi dan Sains Sosial.

Pertandingan Inovasi Inter-Asasi Matrikulasi (PIITRAM) 2021 PIITRAM

PIITRAM merupakan pameran dan pertandingan inovasi yang dianjurkan oleh Pusat Asasi

STEM (7.3.1EM) dan bersama Pusat Asasi dan Kerjasama (PUSAT ASASI), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) bertemakan 'Stem Plus'. Pertandingan ini merupakan satu platform untuk mengenalpasti produk-produk yang mempunyai potensi untuk dikomersilkan dan seterusnya mengiktiraf produk tersebut. Pusat Asasi UiTM Kampus Dengkil telah menghantar sebanyak 16 kumpulan (10 Kategori Staf Akademik dan 6 Kategori Pelajar) ke PIITRAM 2021.

7.3.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [7.3.2 PUSAT ASASI TAHAP H3.pdf](#)

7.3.3 TREN (Trend)

BUKTI : [7.3.3 PUSAT ASASI TREN H3.pdf](#)

7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [7.3.4 PUSAT ASASI PERBANDINGAN H3.pdf](#)

7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [7.3.5 PUSAT ASASI KEPENTINGAN H3.pdf](#)